

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGALPERTAMA

First Session

Jilid 1

Bil. 32

Hari Selasa

8hb Disember, 1987

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya

(Ruangan 1)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

**Mengalu-alukan Ahli Baru
Perutusan daripada Dewan Rakyat**

(Ruangan 1)

(Ruangan 1)

URUSAN MESYUARAT

(Ruangan 3)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 4)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988

(Ruangan 33)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 8hb Disember, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya.

PENGUMUAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang kepada Ahli Yang Berhormat baru yang mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

7hb Disember, 1987

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan)
2. Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan)
3. Rang Undang-undang Polis (Pindaan)
4. Rang Undang-undang Kewangan
5. Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Pindaan)
6. Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Sabah) (Pindaan)
7. Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Sarawak) (Pindaan)
8. Rang Undang-undang Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan)
9. Rang Undang-undang Penyiaran
10. Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan)
11. Rang Undang-undang Akitek (Pindaan)
12. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan)
13. Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan)
14. Rang Undang-undang Peguambela (Sabah) (Pindaan)

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT",

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan)
2. Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan)
3. Rang Undang-undang Polis (Pindaan)
4. Rang Undang-undang Kewangan
5. Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Pindaan)
6. Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Sabah) (Pindaan)
7. Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Sarawak) (Pindaan)
8. Rang Undang-undang Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan)
9. Rang Undang-undang Penyiaran
10. Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan)
11. Rang Undang-undang Akitek (Pindaan)
12. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan)
13. Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan)
14. Rang Undang-undang Peguambela (Sabah) (Pindaan)

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**ANGKATAN TENTERA MALAYSIA - KEKURANGAN PEGAWAI**

1. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa ramai kekurangan keperluan pegawai dalam Angkatan Tentera Malaysia kita. Apakah rancangan Menteri dalam peluang siswazah memasuki Angkatan Tentera Malaysia sebagai pegawai.

Menteri Pertahanan [Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj bin Tengku Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, kekurangan pegawai di dalam Angkatan Tentera sehingga 31hb Oktober, 1987 adalah seperti berikut:

- (a) Tentera Darat - 14.7%.
- (b) Tentera Laut Di-Raja Malaysia - 11.34%.
- (c) Tentera Udara Di-Raja Malaysia - 8.27%.

Berasaskan kepada dasar Angkatan Tentera untuk mengendalikan tugas-tugas dan tanggungjawab dengan 80%, maka kekuatan pegawai di dalam Angkatan Tentera Malaysia pada masa ini adalah mencukupi dan tidak menghadapi masalah dari segi tugas dan pentadbiran.

Kementerian Pertahanan memang sentiasa mengalu-alukan penyertaan graduan-graduan yang berminat untuk berkhidmat dalam pasukan Angkatan Tentera Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, Angkatan Tentera Malaysia ada menaja siswa-siswa sama ada daripada Cawangan Putera Maktab Tentera Di-Raja mahupun siswa-siswa awam ke universiti-universiti tempatan dan luar negeri untuk mengikuti kursus-kursus dalam bidang pengajian-pengajian yang disyaratkan oleh Angkatan Tentera Malaysia. Mereka yang ditaja oleh Angkatan Tentera Malaysia, apabila tamat pengajian akan ditawarkan perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia sebagai Pegawai Graduan Tugas Am.

Walau bagaimanapun sebagaimana saya nyatakan tadi, pintu sentiasa terbuka kepada graduan yang bukan tajaan Angkatan Tentera Malaysia yang berminat dan yang memenuhi syarat kemasukan untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Koh Im Pin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Penyer-taan kaum Cina dan India dalam Angkatan Tentera Malaysia adalah sangat kurang. Apakah rancangan Menteri untuk menggalakkan penyer-taan mereka?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Kemasukan ke Angkatan Tentera Malaysia terbuka kepada semua kaum yang ada terdapat, khususnya kaum besar yang terdapat di negara kita iaitu Melayu, Cina dan India. Daripada apa yang diamalkan sekarang ini berkurang sangat minat kaum-kaum dan terdapat kekurangan orang Malaysia yang keturunan Cina khususnya dan India untuk memasuki Angkatan Tentera ini. Kita sentiasalah berharap agar ramai warganegara Malaysia keturunan Cina akan berminat untuk memasuki Angkatan Tentera ini.

Dr. Nordin Selat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa menerangkan kekurangan berdasarkan peratusnya tanpa angka sebenar adalah sangat mengelirukan. Jadi saya harap dapat atau tidak Yang Berhormat Menteri Pertahanan menerangkan angka sebenarnya?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, Tentera Darat 14.7% bersamaan dengan 990 orang pegawai; TLDM 11.34% bersamaan dengan 137 orang pegawai dan Tentera Udara 18.27% bersamaan dengan 237 orang pegawai.

JAMBATAN PULAU PINANG - KUTIPAN TOL

2. **Tuan Bee Yak Sek** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:
 - (a) jumlah hasil bersih yang diterima dari para pengguna, Jambatan Pulau Pinang setelah ditolak faedah dari pinjaman binaan; dan
 - (b) apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan jika hasil pungutan itu adalah negatif dan mengalami kerugian.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah hasil kutipan tol di Jambatan Pulau Pinang raulai daripada 14hb September, 1985 sehingga 31hb Oktober, 1987 ialah sebanyak \$40,352,868.45. Walau bagaimanapun, pembinaan projek Jambatan Pulau Pinang tidak dibiayai oleh pinjaman-pinjaman yang khusus tetapi ianya telah dibiayai daripada sumber-sumber kewangan yang diperolehi oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia dari Kerajaan dalam bentuk pemberian secara langsung dan pinjaman-pinjaman dari Kerajaan serta bank-bank perdagangan dan sebahagian besar daripada pinjaman-pinjaman ini adalah untuk membiayai semua projek-projek pembangunan Lembaga Lebuhraya Malaysia, termasuk pembinaan lebuhraya-lebuhraya dan Jambatan Pulau Pinang. Jumlah faedah pinjaman yang dibayar oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia ialah dalam lingkungan \$150 juta setahun yang mana daripada jumlah ini \$82.6 juta adalah untuk membayar faedah pinjaman untuk pembinaan Jambatan Pulau Pinang.
- (b) Kerajaan memang sedar bahawa jumlah hasil pungutan tol tidak boleh raenampung bayaran balik pinjaman yang telah dibuat. Buat masa ini pihak Kerajaan memberi bantuan dalam bentuk pinjaman kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi membantu pihak Lembaga Lebuhraya mengatasi kekurangan pembiayaan kewangan.

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai perkara ini saya ingin tahu daripada pihak yang berkenaan, apakah langkah-langkah yang Kerajaan akan mengambil untuk menggalakkan pengguna-pengguna kereta untuk menggunakan Jambatan itu? Kalau tidak, kerugian ini besar jika Kerajaan tiap-tiap tahun hendak tanggungjawab.

Kedua, apakah sebab pengguna-pengguna kereta tidak mahu gunakan Jambatan itu dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak yang berkenaan?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kalau mengikut daripada kutipan tol yang kita terima memang jauh lebih kurang daripada apa yang dianggarkan. Ini adalah disebabkan, antara lain, attitude, dengan izin, pemandu-pemandu kereta yang kurang senang dengan membayar tol. Jadi apa yang saya minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini supaya sama-samalah kita - kalau Kementerian Pertanian boleh menjalankan kempen makan ulam, buah-buahan tempatan - kita juga meminta Ahli-ahli Yang Berhormat supaya berkempen untuk semua pemandu-pemandu supaya menanamkan semangat bahawa pembayaran tol itu adalah untuk kepentingan negara kita juga.

Datuk Haji Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah pendapatan kutipan tol di lebuh raya dan juga pungutan di Jambatan Pulau Pinang, saya suka mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sesuatu perbelanjaan seperti gaji dan sebagainya dibayar, dan baki pendapatan kutipan tol dan kutipan di Jambatan Pulau Pinang, daripada pendapatan itu dapatkah kita membayar faedah sahaja daripada pinjaman pokok?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut jumlah pukol rata yang kita terima setiap bulan adalah dalam lingkungan \$2 juta. Untuk membayar faedah setahun ialah \$82.6 juta, bererti kita memerlukan lebih kurang \$7 juta untuk membayar faedah, bererti apa yang kita dapat daripada kutipan adalah tidak mencukupi.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jika berlaku sesuatu kerosakan yang besar kepada Jambatan Pulau Pinang di dalam jangka masa 5 atau 10 tahun, adakah Syarikat Hyundai di Korea yang membinanya terikat kepada satu perjanjian untuk membaikinya tanpa apa-apa bayaran?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ini sudah jauh daripada soalan asal. Saya rasa ini tidak berkaitan dengan soalan asal.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Ini ada kaitan dengan Jambatan Pulau Pinang sebab pernah berlaku satu kerosakan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Di sini bertanya tentang hasil, itu lain. Kalau suka Yang Berhormat buat satu pertanyaan lain.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

SETINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

3. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) anggaran bilangan setinggan yang tinggal di Wilayah Persekutuan;
- (b) dasar Kerajaan terhadap pemindahan setinggan; dan
- (c) sama ada Kerajaan bercadang akan memberi kemudahan asas seperti api dan air di kawasan berkenaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, pada akhir tahun 1986 bilangan setinggan dianggarkan seramai 143,399 yang tinggal di dalam 24,392 buah rumah. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak memindahkan setinggan-setinggan di tanah Kerajaan yang tidak terlibat dengan projek-projek pembangunan kecuali atas sebab-sebab tertentu. Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil tindakan untuk merobohkan rumah-rumah setinggan yang lama. Walau bagaimanapun, rumah-rumah setinggan yang baru tidak dibenarkan dibina.

Di samping itu Kerajaan juga melaksanakan projek pembangunan semula kawasan-kawasan setinggan ataupun resettlement of squatters scheme, dengan izin. Bagi projek seperti ini setinggan-setinggan adalah diberi keutamaan untuk memberi rumah-rumah kos rendah yang dijual dengan barga yang tidak melebihi. \$25,000 se unit. Sekarang ini terdapat 8 buah projek seperti ini.

Adalah juga menjadi dasar Kerajaan untuk memberi keutamaan kemudahan asas kepada kawasan-kawasan setinggan yang dikenal pasti tidak akan dimajukan semula di dalam satu jangka masa yang pendek.

Puan Mazidah Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang ada kaitannya dengan soalan 3(a).

Saya difahamkan dari jumlah keseluruhan setinggan-setinggan yang terdapat di Wilayah Persekutuan ini, sebilangan daripada mereka ini sebenarnya terdiri daripada golongan yang mampu mempunyai rumah di luar daripada kawasan-kawasan setinggan iaitu mempunyai pendapatan yang agak lumayan. Jika ini benar, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan daripada jumlah setinggan yang ada sekarang ini, berapakah peratus yang dianggarkan datangnya daripada kumpulan yang sedemikian dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian atau Dewan Bandaraya bagi menyelesaikan masalah setinggan dari kumpulan yang sedemikian?

Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak terdapat sepertimana yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan walaupun ada dengan mempunyai kemudahan seperti kereta, tetapi mereka masih mempunyai pendapatan yang di bawah kadar \$750 yang dianggap bukanlah golongan yang berpendapatan tinggi.

Tuan Azman Atar bin Othman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-

Pertua. Saya harap Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang khusus menjaga hal Wilayah, sama ada beliau sedar atau tidak ada di antara kawasan-kawasan setingan lam yang masih belum ada perancangan projek Kerajaan, yang masih dalam ketinggalan mendapatkan kemudahan-kemudahan asas seperti air dan juga api dan jika sekiranya ada, adakah Timbalan Menteri bercadang untuk mendapatkan kemudahan asas kepada mereka itu?

Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan seperti saya sebutkan tadi bahawa semua kawasan setingan memang diberi kemudahan-kemudahan asas seperti air dan api. Jika terdapat seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, silalah memberi tahu saya supaya kita dapat menyegerakan kawasan tersebut dengan kemudahan seperti saya sebutkan tadi.

PAGAR DI LEBUHRAYA TOL

4. **Tuan Shaik Dawood** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang membina pagar di sepanjang lebuh raya-lebuh raya yang baru dibina untuk menghindar binatang-binatang ternakan menghalang perjalanan kenderaan.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya telah dan sedang membina pagar-pagar di sepanjang lebuh raya tol di tempat-tempat atau kawasan yang mana terdapat binatang-binatang ternakan yang boleh mengganggu perjalanan kenderaan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Kerjaraya sekiranya pagar-pagar yang telah dibina atau dipasang di sepanjang lebuh raya digunting oleh penduduk-penduduk tempatan?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, kita akan memperbaiki pagar-pagar yang di.gunting dan juga akan meminta kerjasama daripada penghuni-penghuni di sekitar kawasan yang terlibat untuk memberi kerjasama kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia.

TARAF AKADEMIK UNIVERSITI TEMPATAN

5. **Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar tentang tuduhan bahawa taraf akademik universiti-universiti kita telah jatuh dalam tahun-tahun kebelakangan **ini**. Sudahkah Kementeriannya menjalankan sebarang penyelidikan bebas (independent study) terhadap masalah ini. Kalau ya, bagaimanakah ianya dijalankan dan apakah keputusannya. Kalau tidak, apakah sebabnya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah satu perkara yang subjektif untuk menyatakan bahawa taraf akademik universiti-universiti tempatan telah jatuh dalam tahun-tahun kebelakangan **ini**. Hasil pada pengesanan yang sentiasa dijalankan, Kementerian Pendidikan puas hati dengan taraf akademik universiti-universiti kita. Saya ingin juga menjelaskan bahawa dari masa ke semasa universiti-universiti tempatan mengkaji semula kursus-kursus yang ada untuk disesuaikan dengan perkembangan dan keperluan semasa dan untuk mempertingkatkan lagi kecemerlangan akademik serta perkembangan individu.

MINYAK KELAPA SAWIT - KHIDMAT JURU PERUNDING

6. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato Haji Ishak** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan dan memberi penjelasan mengenai sejauh manakah benarnya pihak Kerajaan telah melantik Juru Perunding bagi menggalakkan pemasaran minyak kelapa sawit di Amerika yang mana Juru Perunding itu juga adalah membuat galakan dan memberi nasihat kepada Persatuan Minyak Kacang Soya.

- (1) mengapa dan kenapa berlakunya perkara yang sedemikian rupa ini;
- (2) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil dalam hal ini; dan
- (3) apakah benar harga pasaran minyak mentah kelapa sawit lebih murah jika dibeli di Rotterdam dari terus dibeli di negara ini. Mengapa dan kenapa berlakunya perkara ini dan tidakkah ini secara tidak langsung mengurangkan galakan untuk negara luar mengimport terus minyak kelapa sawit dari Malaysia.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Tuan Alias bin Md. Ali]: Tuan Yang di-Pertua, memang benar sebuah agensi perunding bernama Hill & Knowlton telah dilantik oleh Lembaga Pendaftar dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA).

Mengenai kemungkinan percanggahan kepentingan atau, dengan izin, conflict of interest yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu, suka saya menjelaskan iaitu pada ketika pemilihan Juru Perunding berkenaan itu dibuat, pihak Hill & Knowlton telah ditanya sama ada mereka terikat atau terlibat dengan apa-apa juga urusan sama ada dengan pihak pengeluar kacang soya atau mana-mana pihak lain yang boleh membawa kepada syarikat itu menghadapi masalah percanggahan kepentingan. Pada masa itu pihak Hill & Knowlton telah dengan jelasnya menyatakan masalah tersebut tidak timbul sama sekali.

Apabila kontrak di antara Hill & Knowlton dengan ASA telah diketahui umum, wakil syarikat itu telah meminta maaf secara terbuka kepada pihak Kementerian dan Kerajaan Persekutuan dan sambil itu menjelaskan bahawa rekod Ibu Pejabat Syarikat Perunding itu di Washington telah tidak menunjukkan wujudnya kontrak dengan ASA pada ketika itu. Ini berlaku oleh kerana ada projek-projek yang dilaksanakan oleh firma-firma sekutunya atau, dengan izin, associate firms di seluruh dunia. Lagi pun penglibatan Hill & Knowlton dengan pihak ASA ialah dalam bentuk satu projek 'promotion' ataupun galakkan pasaran minyak soya di Republik Persekutuan Jerman dan menurut assignment yang diberi kepada pihak Hill & Knowlton tidak termasuk kempen memburuk-burukkan minyak kelapa sawit. Pihak Hill & Knowlton di Washington cuma menyedari wujudnya kontrak antara Hill & Knowlton di Germany dengan pihak ASA setelah ditandatangani kontrak dengan pihak PORLA. Hill & Knowlton pada masa itu menegaskan pihaknya sanggup digugurkan daripada projek minyak soya di Republik Persekutuan Jerman itu.

Untuk makluman Dewan yang mulia **ini**, kontrak Hill & Knowlton dengan ASA telahpun ditamatkan pada 1hb Oktober, 1987.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menegaskan di sini iaitu Syarikat Hill and Knowlton telahpun memberi jaminan iaitu mereka sepenuhnya committed atau memberi perhatian untuk membantu Malaysia dalam industri minyak kelapa sawit kita. Ini merupakan suatu jaminan yang sangat penting bagi menghadapi apa yang kita sifatkan sebagai peperangan di negara asing untuk membanteraskan kempen anti minyak kelapa sawit yang dipelopori oleh Peraatuan Pengeluaran Kacang Soya (ASA) itu. Tidak kurang juga pentingnya ialah kita harus sentiasa waspada terhadap tindak-tanduk pihak-pihak tertentu yang ingin melemahkan semangat kita dalam menghadapi cabaran ini dengan secara mempermain-mainkan percanggahan kepentingan yang kononnya terdapat oleh pihak Hill and Knowlton.

Mengenai harga minyak sawit mentah di Rotterdam lebih murah dari harga tempatan, hakikat yang sebenarnya ini tidaklah begitu tepat oleh kerana perkara ini sebenarnya cuma timbul dalam perkiraan sahaja iaitu mengikut apa yang dipanggil count back basis. Ini ialah dibuat dengan menolak dari harga yang sepatutnya disebut di Rotterdam unsur-unsur kos tertentu termasuk kos pengangkutan dan insurans. Angka yang didapati itu ialah suatu angka andaian semata-mata. Pada hakikatnya hampir semua minyak kelapa sawit yang diekspor dari negara kita adalah dalam bentuk yang telah diproses atau separuh proses.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menambah bahawa fenomena yang saya sebutkan tadi itu berlaku oleh kerana terdapat kelebihan kapasiti yang ada sekarang di dalam perusahaan penapisan minyak sawit di negara ini. Sebagai contoh, dalam tahun 1986 bilangan

kilang penapis yang beroperasi ialah 39 buah dengan kapasiti untuk memproses sebanyak 8 juta tan metrik, sedangkan pengeluaran minyak kelapa sawit mentah negara dalam tahun yang berkenaan ialah 4.5 juta tan metrik sahaja. Oleh itu, terdapat lebih permintaan untuk minyak kelapa sawit mentah di dalam negara jika dibandingkan dengan bekalan. Akan tetapi ini dengan sendirinya tidak menjejaskan import minyak kelapa sawit secara terus dari Malaysia oleh negara-negara luar. Ini adalah kerana minyak kelapa sawit yang telah bertapis itu tetap dijual menurut harga pasaran. Kerajaan telahpun menetapkan untuk tidak menghadkan kapasiti dalam perusahaan penapis minyak kelapa sawit di negara ini oleh kerana ianya menambah pelaburan dan peluang pekerjaan dalam negeri di samping menambah nilai tokok (value added) barangan yang dieksport itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menanya Timbalan Menteri yang tersebut, adakah dalam kempen anti kelapa sawit ini Malaysia berseorangan atau kita bergabung dengan negara yang mengeluarkan komoditi yang serupa?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pertanyaan Yang Berhormat. Saya ingin menjelaskan bahawa Malaysia tidaklah perseorangan di dalam kempen menentang kempen ASA **ini**. Kita bersama-sama dengan rakan-rakan kita di dalam ASEAN seperti Indonesia, Filipina, Thailand dan juga Singapura. Walaupun Singapura tidak mengeluarkan minyak kelapa sawit tetapi negara Singapura mempunyai kepentingan di dalam perdagangan minyak kelapa sawit oleh kerana mereka juga mempunyai kilang penapis minyak sawit.

Mengenai Filipina, walaupun mereka tidak menanam kelapa sawit, tetapi kempen memburuk-burukkan minyak yang dijalankan oleh ASA termasuk juga minyak kelapa yang banyak dikeluarkan oleh negara Filipina.

PESTA "HALLOWEEN NIGHT"

7. Dr. Nordin Selat minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menerangkan apa dia "Halloween Night". Adakah ianya Kebudayaan Malaysia sehingga hampir tiap-tiap hotel terkemuka mengadakannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan [Tuan Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sendiripun tidak begitu mengetahui dengan jelas apakah itu "Halloween Night" dan Kementerian tidak bercadang juga untuk mengkaji sejarah ianya wujud. Walau bagaimanapun, secara kasar "Halloween Night" ialah satu pesta tahunan yang disambut tiap-tiap tahun oleh masyarakat Amerika Utara. Sekiranya ada dianjurkan oleh hotel-hotel di Malaysia maka ianya lebih merupakan sebahagian dari jadual sambutan-sambutan hotel-hotel itu secara persendirian sahaja dan ia bukanlah sebahagian dari unsur yang boleh dimasukkan ke dalam Kesenian Kebudayaan Kebangsaan. Jelas kepada kita di Amerika sendiri pun ianya disambut di Amerika Utara sahaja dan merupakan sambutan tahunan. Maka sudah tentu ianya tidak akan menjejaskan perkembangan Kebudayaan Kebangsaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai maklumat semua Ahli Yang Berhormat, sambutan "Halloween Night" di hotel-hotel itu tidak ada kaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan Kementerian.

Tuan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan menyedari tentang kemungkinan wujudnya kejutan kebudayaan (cultural shock) antara Kebudayaan Timur dan Kebudayaan Barat dalam usaha menarik pelancong-pelancong asing?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, walaupun ianya tergelincir sedikit daripada soalan ini, tetapi bagi pihak

Kementerian memang kita sentiasa meneliti sebarang sambutan yang diadakan oleh pihak-pihak tertentu dan memandangkan "Halloween Night" ini diadakan ataupun disambut secara bermusim, setakat ini ia tidaklah menjejaskan ataupun menimbulkan masalah kebudayaan kepada negara kita.

JABATAN PENUNTUT MALAYSIA DI LUAR NEGERI

8. **Puan Habidah binti Jusoh** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Jabatan Penuntut di luar negeri itu menguntungkan pelajar dan negara; dan
- (b) tidakkah boleh Jabatan Penuntut di luar negeri itu dimansuhkan dan tugas itu diberi kepada kedutaan kita di negara luar.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-ehwal pelajar seperti penempatan di universiti, bimbingan dan kaunseling, pengawasan akademik dan kebajikan am, Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri telah dipertanggungjawabkan untuk menentukan tercapainya tujuan menghantar pelajar-pelajar tajaan ke luar negeri iaitu memenuhi keperluan tenaga manusia di bawah Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu penubuhan Jabatan Penuntut Malaysia jelas menguntungkan pelajar dan negara kerana setakat ini Jabatan-jabatan itu telah dapat mencapai matlamat penubuhannya.

Untuk menjawab soalan (b) Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri. Walau bagaimanapun di bawah pelaksanaan Konsep Organisasi Bersepadu yang diumumkan baru-baru ini, Jabatan Penuntut Malaysia diletakkan di bawah pengawasan terus Kedutaan/Suruhanjaya Tinggi Malaysia di luar negeri. Di bawah konsep ini, fungsi Jabatan Penuntut Malaysia yang sedia ada akan disusun semula bagi meningkatkan lagi prestasi dan kekesan perkhidmatannya.

AHLI SUKAN NEGARA - LATIHAN

9. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah perancangan Kementerian berkenaan bagi melahirkan ahli sukan yang bermutu kepada negara seperti:

- (a) melatih ahli sukan dari peringkat sekolah lagi;
- (b) menubuhkan pusat latihan sukan Kebangsaan;
- (c) menubuhkan kelab sukan melalui badan sukarela, terutama syarikat-syarikat yang selalu menjadi penaja kepada bidang sukan tertentu seperti bola sepak dan badminton.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Haji Awang bin Jabar]: Tuan Yang di-pertua, Kementerian Belia dan Sukan mempunyai perancangan bagi melahirkan ahli sukan yang bermutu kepada negara seperti di bawah ini:-

- (a) **Melatih ahli sukan dari peringkat sekolah lagi melalui:**

(1) Program Pembangunan Bakat

Buat masa ini Kementerian melalui Majlis Sukan Negara sedang melaksanakan Program Pembangunan Bakat yang diadakan di dalam dua peringkat, iaitu:-

- (i) Program Pembangunan Bakat Kebangsaan; dan
- (ii) Program Pembangunan Bakat Sekolah-sekolah.

Program ini bertujuan melahirkan athlit-athlit yang bertaraf antarabangsa pada masa-masa yang akan datang. Di kedua-dua peringkat, Kementerian Pendidikan adalah menduduki jawatankuasa ini yang mempunyai berbagai tugas dan tanggungjawab ke arah mencapai matlamat dan objektif program ini.

(2) Program Pembangunan Bakat Kebangsaan

Program ini adalah merupakan kerjasama antara Majlis Sukan Negara, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan Persatuan Sukan Kebangsaan. Peserta-peserta adalah dipilih daripada kejohanan-kejohanan yang melibatkan athlit-athlit muda seperti kejohanan MSSM di mana mereka akan dididik dan dilatih secukupnya menerusi program latihan dan pendedahan yang saintifik dan sistematik ke arah meninggikan prestasi mereka.

(3) Program Pembangunan Bakat Sekolah-sekolah

Program Pembangunan Bakat Sekolah-sekolah pula adalah merupakan kerjasama langsung dengan Kementerian Pendidikan di mana athlit-athlit yang berpotensi dipilih dari kejohanan yang sama dan ditempatkan di sekolah-sekolah yang telah dikenalpasti. Athlit-athlit ini akan disediakan dengan berbagai-bagai kemudahan bagi membolehkan mereka menjalani latihan sepanjang tahun di sekolah-sekolah berkenaan. Antara kemudahan-kemudahan yang disediakan ialah:

Jurulatih yang berkelayakan

Bantuan Asrama

Tuisyen

Peralatan Latihan

Insurans

Penyertaan Pertandingan

Buat peringkat permulaan, Majlis Sukan Negara telah mengenal-pasti tiga jenis sukan iaitu olahraga, renang dan badminton untuk dilaksanakan program ini yang melibatkan 47 athlit dari 10 buah negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

Bantuan Latihan dan Penyertaan

Kementerian ini melalui Majlis Sukan Negara juga telah banyak membantu athlit-athlitt sekolah yang telah mencapai tahap kebangsaan di dalam menjalani latihan dan menyertai pertandingan-pertandingan antarabangsa.

Pusat-pusat Cemerlang Sukan yang telah dibuka untuk menyediakan latihan sepanjang tahun kepada athlit-athlit dari berbagai jenis sukan banyak melibatkan athlit-athlit sekolah. Pusat Cemerlang Renang umpamanya yang telah ditubuhkan di Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang, Sibu dan Kuching, sebahagian besarnya adalah melibatkan pelajar-pelajar sekolah.

(b) Menubuhkan pusat latihan sukan kebangsaan:

Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara telah menubuhkan 90 latihan pusat bagi 14 jenis sukan kebangsaan pada tahun 1987. Jumlah ini bergantung kepada jumlah pertandingan yang perlu disertai oleh pasukan-pasukan berkenaan.

Selain dari itu, Majlis Sukan Negara telah menubuhkan beberapa pusat cemerlang di mana athlit dibekalkan dengan jurulatih dan kemudahan-kemudahan lain. Sukan-sukan tinju, angkat berat, olahraga, badminton, tenis, ping pong, jimnastik dan hoki wanita telah menubuhkan pusat cemerlang masing-masing. Seramai 20 orang jurulatih dan

134 athlit terlibat dengan program **ini**. Pusat-pusat ini akan sentiasa ditambah dari masa ke semasa mengikut keperluan.

- (c) Majlis Sukan Negara sentiasa memberi kerjasama dan galakan bagi menubuhkan kelab sukan melalui badan sukarela, terutama syarikat-syarikat yang selalu menjadi penaja kepada bidang sukan tertentu seperti bola sepak dan badminton. Perlu disebutkan di sini., Tuan Yang di-Pertua, penubuhan kelab sukan adalah sukarela dan persatuan sukan kebangsaan telah dan sedang mengambil langkah untuk tujuan tersebut. Syarikat-syarikat yang menjadi penaja kepada bola sepak dan badminton seperti Benson & Hedges, Dunhill, Milo dan Marlboro dan lain-lain lagi telah mempunyai kelab sukan masing-masing.

Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen adakah dengan menyertai athlit sekolah ini mereka akan terganggu di dalam mata pelajaran, kerana masa mereka lebih ditumpukan kepada sukan.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, ada semacam 'adjustment' kita telah buat dengan menempatkan mereka ini di hostel masing-masing, Jadi gangguan kepada pelajaran ini tidaklah banyak sangat.

Tuan Azumu bin Tak: Adakah Kerajaan bercadang untuk memberi subsidi kepada sekolah-sekolah yang mengadakan sukan tahunan mereka.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Belia dan Sukan tidak memberi tetapi di bawah Kementerian Pendidikan menerusi MSSM ada.

Puan Mazidah Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Puan Mazidah Haji Zakaria: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, kita dapat satu gambaran bahawa pihak Kementerian telah dengan begitu gagah sekali cuba memberikan latihan yang kesannya pada saya lebih merupakan aspek-aspek latihan fizikal dan malangnya kesannya yang saya dapat ialah walau pun banyak usaha-usaha yang telah dibuatkan dari segi prestasi yang kita terima dalam pertandingan-pertandingan antarabangsa dan sebagainya, kejayaannya agak tidak setimpal dengan apa yang telah dilakukan dari segi latihan ini. Jadi soalan tambahan saya ialah adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan khas dari segi latihan dalam aspek semangat yang mungkin akan dapat menolong, dengan izin, sustaint'kan latihan-latihan fizikal ini.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, kita ada buat untuk memberi semangat yang lebih iaitu menerusi klinik-klinik sukan yang kita adakan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi? [Ketawa]

Puan Law Jack Yoon: Lagi satu,

Tuan Yang di-Pertua: Kita dengar dulu.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya projek badminton kita tidak berapa berhasil. Apakah sebabnya?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, barangkali ramai orang tidak akan mengatakan projek badminton kita tidak berhasil. Kalau kita katakan tidak berhasil, ertinya kita tidak mendapat kemenangan yang langsung, tetapi walau bagaimanapun dalam apa kejohanan yang kita masuk, walaupun tidak sampai ke peringkat yang

lebih tinggi menggondol peringkat emas dan berbagai-bagai lagi tetapi kita berjaya.

PENGEMIS-PENKGMIS ASING

10. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan adakah Kementeriannya hanya menunggu laporan dari orang ramai baharu hendak mengambil tindakan berhubung dengan terdapatnya ramai pengemis-pengemis asing di negara kita, tidakkah Kementerian Kebajikan Masyarakat mengadakan rancangan tertentu untuk menghapuskan kegiatan mengemis oleh pendatang haram yang mana boleh memberi gambaran tidak sihat kepada pelancong-pelancong luar negeri yang melawat ke negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Rui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, tidak. Kementerian Kebajikan Masyarakat mempunyai rancangan yang tersendiri untuk membuat rondaan dan serbuan ke atas pengemis-pengemis asing, terutama sekali di kawasan-kawasan bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, yang amat menyulitkan rancangan Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk menghapuskan masalah pengemis asing ialah rakyat Malaysia memang terkenal sebagai mereka yang **ber-** murah hati dan sentiasa memberi sedekah kepada pengemis-pengemis. Jika perkara ini tidak diperbetulkan maka masalah pengemis asing tidak dapat diatasi. Oleh yang demikian, salah satu daripada usaha Kementerian Kebajikan Masyarakat ialah untuk mendedahkan kepada orang ramai melalui Media Massa supaya tidak memberi sedekah kepada pengemis di kaki lima dan sebagainya.

Sehubungan dengan ini, saya juga ingin mengambil peluang di Dewan yang mulia ini untuk merayu supaya orang ramai yang ingin menderma boleh menyalurkan wang derma mereka itu kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela di negara kita ini dan bukan kepada individu yang meminta sedekah. Itu sahaja, terima kasih.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat tadi menyebut adalah sukar untuk menghapuskan peminta-peminta sedekah ini kerana sikap murah hati orang ramai. Saya kurang setuju dengan jawapan itu. Sebab kalau tidak ada peminta sedekah, tidak ada siapa yang akan memberi sedekah. Jadi sepatutnya hendaklah dijalankan usaha-usaha yang lebih giat menahan mereka atau menghantar mereka pulang atau lain-lain. Kita tidak mahu pula mewujudkan sikap mementingkan diri di kalangan rakyat kita di Malaysia dan mengajar mereka supaya jangan bertimbang rasa dengan orang-orang yang sengsara dan susah. Itu, katalah orang-orang luar negeri, orang-orang yang bukan warganegara. Bagaimana kalau warganegara kita sendiri, kerana terdapat juga peminta-peminta sedekah dari kalangan warganegara kita sendiri. Terutamanya adakah Kementerian sedar bahawa mereka ini berjalan dari rumah ke rumah membawa sekeping surat akuan dan meminta derma dari pintu ke pintu.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Maksud saya tadi bukanlah hendak kurangkan orang ramai yang bersetuju menderma kepada orang-orang yang miskin dan yang kurang bernasib. Tetapi dasar Kementerian sebenar ialah Kementerian merayu untuk kurangkan perbuatan sebegitu di mana-mana kita memberi derma kepada pengemis atau orang-orang yang meminta sedekah di kaki-kaki lima atau di jalanraya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya hendak memberi sedikit angka-angka kepada Dewan yang mulia ini mengenai serbuan yang kita sudah buat.

Di dalam tahun 1986 iaitu tahun yang tepas, sejumlah 162 pengemis asing telah ditangkap dan apabila Kementerian cuba menghantarkan pengemis ini keluar dari negara kita ini, kita tidak dapat dokumen-dokumen yang sah dari negara manakah pengemis-pengemis ini datang. Oleh sebab itu kita serahkan pengemis ini kepada pihak Imigresen supaya mereka dapatlah 'dideportkan' (deportation), dengan izin, dari negara kita. Di mana mereka pergi atau akan 'dideportkan', saya pun tidak tahu. Ini adalah terserah kepada pihak Kementerian yang berkenaan iaitu Jabatan Imigresen. Itu sahaja.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di antara serbuan-serbuan yang dilakukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, adakah termasuk dengan serbuan di Alor Setar, iaitu di Jambatan Pekan Rabu, Alor Setar, kerana saya lihat terdapat ramai pengemis-pengemis asing di atas jambatan itu mengemis bukan seorang, bukan dua lebih daripada 3-4 orang dan bukan sehari dua, bahkan berbulan-bulan mereka ada di atas Jambatan Pekan Rabu.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, di sini saya tidak ada angka, adakah serbuan dibuat di Alor Setar, tetapi bagi negeri Kedah saya ada angka, iaitu dalam tahun lepas kita ada menangkap 23 orang pengemis asing di negeri Kedah. Saya pun tidak tahu sebab saya tidak ada maklumat di sini mengenai 23 orang yang ditangkap **ini**,

tetapi saya hendak mengambil perhatian mengenai maklumat dari. Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya akan cuba menyasat perkara ini.

BAYARAN TOL

11. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar ramai rakyat bersungut bahawa bayaran tol di negara ini adalah tinggi. Jika sedar adakah Kerajaan bercadang menurunkan bayarannya sebanyak 50% daripada bayaran yang dikenakan sekarang. Jika tidak, kenapa.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran tol yang dikenakan pada masa sekarang adalah dianggap rendah dan tidak membebankan rakyat. Sekiranya dibandingkan dengan kadar tol di negara-negara asing, kadar tol yang dikenakan oleh negara-negaraasing adalah jauh lebih tinggi daripada yang dikenakan di negara ini.

Kutipan tol dibuat kerana Kerajaan membina Lebuhraya dengan kos yang tinggi dan juga bagi menampung kos penyelenggaraannya. Oleh yang demikian, buat masa sekarang Kerajaan tidak ada cadangan untuk menurunkan kadar tol.

PENGANGGURAN

12. **Dato' Dr K.S. Nijhar** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah negara Malaysia dapat menghapuskan masalah pengangguran.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, masalah pengangguran pada masa ini adalah berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi negara yang lembab.

Selagi keadaan pertumbuhan ekonomi yang lembab ini berterusan, maka adalah sukar untuk menghapuskan sama sekali masalah pengangguran. Lagipun sememangnya diakui bahawa untuk mencapai keadaan di mana tiada ada langsung pengangguran di negara ini adalah mustahil kerana negara kita mengamalkan dasar ekonomi bebas, dengan itu sebilangan kecil pengangguran akan tetap wujud. Ini disebabkan seperti ada orang yang bertukar pekerjaan atau berubah taraf pekerjaan,

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan pengangguran, saya fikir pada masa sekarang makin lama makin bertambah, bukan makin lama makin kurang. Jadi, soal ini saya fikir negara kita pada hari **ini**, majikan di ladang-ladang pun ada mengambil orang luar untuk bekerja di ladang-ladang. Ini menunjukkan pengangguran di negara kita pada masa sekarang boleh dikurangkan, sekiranya Kerajaan mengambil berat, kalau orang luar tidak boleh masuk mencari kerja di negara kita. Apakah langkah-langkah atau tindakan-tindakan Kerajaan yang telah ambil terhadap orang luar, saya fikir ada agensi yang membawa mereka masuk ke negara kita? Apakah tindakan yang telah diambil, adakah dibawa ke mahkamah atau tidak apabila telah ditangkap atau dilepaskan begitu sahaja?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, kalau dibandingkan pekerja asing dengan kadar pengangguran di negara kita ini pekerja asing yang didaftarkan lebih kurang 6,000 orang sahaja di negara kita **ini**, berbanding dengan kadar pengangguran yang seramai 570,000 orang atau 9.1% yang ada di negara kita ini.

Sememang benar bahawa memang ada ladang-ladang yang mengambil pekerja-pekerja asing disebabkan oleh kurang minat rakyat tempatan, penduduk terapat untuk bekerja di ladang-ladang. Walau bagaimanapun Kerajaan khasnya Jabatan Imigresen dan Jabatan Buruh sentiasa

mengawasi gerakan-gerakan pengambilan buruh-buruh asing ini supaya ianya tidak melanggar peraturan atau syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi menjamin bahawa penduduk tempatan, rakyat tempatan akan diberi keutamaan di dalam semua bidang-bidang pekerjaan.

PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN

13. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang meninggikan lagi kadar pelepasan cukai pendapatan perseorangan supaya pembayar-pembayar boleh menggunakan hasil mengumpulkan lebih simpanan untuk melabur; dan
- (b) sama ada Kerajaan bercadang menghapuskan 50% cukai pembangunan atau mengurangkan lagi cukai pendapatan yang sedang dikenakan kepada syarikat-syarikat untuk menggalakkan kegiatan ekonomi dalam negeri memandangkan kadar cukai itu adalah tinggi jika dibanding dengan negara-negara di rantau ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan bahawa pelepasan cukai bagi seseorang individu ialah sebanyak \$5,000. Selain daripada itu, seseorang individu juga diberi pelepasan cukai untuk bayaran KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) dan premium insurans nyawa, pelepasan isteri dan anak, dan rebat, dengan izin, cukai sekiranya seseorang individu mempunyai pendapatan dikenakan cukai yang tidak melebihi \$10,000.

Memandangkan kepada pelepasan cukai yang tinggi sekarang dan struktur cukai pendapatan individu telahpun dikaji semula dan diturunkan secara keseluruhannya dalam Belanjawan tahun 1985, adalah tidak wajar untuk Kerajaan meninggikan lagi kadar pelepasan cukai bagi individu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan kedua, ingin dimaklumkan bahawa Kerajaan hanya mengenakan cukai pembangunan sebanyak 5% sahaja dan bukan 50% seperti yang dikatakan dalam soalan Yang Berhormat.

Seperti yang dimaklumkan dalam Belanjawan tahun 1988, Kerajaan sedang mengambil langkah untuk mengkaji semula struktur cukai syarikat untuk mengurangkan beban cukai yang ditanggung oleh syarikat.

Sebagai langkah pertama, cukai keuntungan berlebihan (excess tax), dengan izin bagi syarikat-syarikat telahpun dihapuskan iaitu sebanyak 3%. Walau bagaimanapun sebagai makluman, ingin saya menegaskan di sini bahawa walaupun kadar cukai pendapatan yang dikenakan ke atas syarikat adalah tinggi, apabila diambilkira galakan-galakan cukai yang diberi, kadar cukai sebenar yang dibayar oleh syarikat-syarikat adalah lebih rendah.

SUNGAI GOMBAK - PENCEMARAN

14. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada benar bahawa Sungai Gombak di Kuala Lumpur dan beberapa buah sungai di seluruh negara ini telah 'mati' (biologically dead); Jika benar, apakah cadangan Kementerian untuk mengadakan suatu sistem pengawasan yang berterusan untuk mengawasi sungai-sungai di negara ini tidak dicemari oleh sampah, kimia dari kilang dan sebagainya.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Law Hieng Ding : Tuan Yang di-Pertua, tidak benar. Istilah 'sungai mati' atau 'biologically dead river', dengan izin, dalam konteks ini tidaklah tepat. Erti kata 'biologically dead river', dengan izin, ialah bahawa sesebuah sungai langsung tidak mempunyai sebarang kehidupan termasuk bakteria dan organisma-organisma lain. Sebenarnya, jika sebuah sungai telah dicemari sehingga ianya tidak lagi mempunyai sebarang kehidupan seperti disebutkan tadi, maka ianya memang tercemar dengan bahan-bahan toksik ke satu tahap yang boleh dikatakan sungai itu 'mati'. Keadaan seperti ini tidak wujud di mana-mana sungai di Malaysia, termasuk Sungai Gombak.

Walau bagaimanapun, untuk mengawasi keadaan pencemaran di sungai-sungai di negara kita, Jabatan Alam Sekitar telah melaksanakan satu Program Pengawasan Kualiti Air sejak 1978 yang melibatkan lebih kurang 30 parameter atau kualiti air yang meliputi Oksigen Biokimia Yang Diperlukan, atau Bio-Chemical Oxygen Demand, dengan izin, Ammoniacal-Nitrogen, pepejal terampai dan logam-logam berat.

Puan Mazidah Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua; pertanyaan tambahan. Dalam rekod-rekod dan kajian yang ada di pihak Kementerian, boleh tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri menamakan tiga buah sungai yang paling tercemar sekali di negara ini dan sebab-sebab pencemaran itu berlaku?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mengikut kajian Jabatan Alam Sekitar, saya ada satu senarai yang panjang yang mana terdapat 32 daripada 49 buah sungai di Semenanjung Malaysia tercemar. Dari segi parameter Bio-Chemical Oxygen Demand, Ammoniacal-Nitrogen, dan kelodakan pepejal terampai dan saya ada nama-nama sungai-sungai di sini termasuk beberapa sungai di Sabah dan Sarawak juga. Sebab-sebab pencemaran ini adalah disebabkan dari punca dari pembuangan ternakan binatang atau haiwan dan juga dari tumpahan atau bahan buangan domestik. Pencemaran pepejal terampai berpunca dari aktiviti-aktiviti seperti pembinaan jalanraya, pembalakan, perumahan, perlombongan dan kemajuan pertanian.

Jikalau Ahli Yang Berhormat berminat dengan nama-nama sungai, itu saya boleh sampaikan senarai itu kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yaag di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 33 adalah]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang." [7hb Disember, 1987]

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim menyambung ucapan beliau. Sila Yang Berhormat.

3.35 ptg.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang menyambung lagi ucapan saya pada petang semalam.

Menyambung berkaitan dengan kebersihan hospital, dalam Anggaran Belanjawan ataupun Program Prestasi 1988 ada diperuntukkan supaya membersihkan sekeliling hospital. Tetapi seperti yang telah saya nyatakan semalam dengan kekotoran di sekeliling Hospital itu menambahkan nyamuk banyak yang mana kita kempen kebersihan supaya mendapat kesihatan tidak sama perbuatan dengan yang ada. Itulah sebab saya menyatakan perkara banyak nyamuk di Hospital Pulau Pinang itu di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang paling kasihan di Wad Kanak-kanak di lapisan bawah maka tempat tumpuan nyamuk daripada hutan belukar itu ialah ke Wad Kanak-kanak. Jadi kita menjaga kebersihan untuk menjaga kesihatan. Kalau di kampung-kampung banyak periksa nyamuk tidak berhenti Aedeslah, semburan ubat nyamuk tetapi ini di hospital tidak siapa yang memberi perhatian. Sebab itu saya suka bercakap atas perkara itu di sini.

Berkaitan dengan hospital lagi. Kita kasihan juga kepada pekerja-pekerja hospital mungkin kerana kurang senang fikiran ataupun perasaan maka perkara-perkara ini berlaku dia segan hendak buat kerja. Dia banyak masalah kita hidup ini paling senang tempat ialah rumah kita sendiri. Kalau dia duduk quarters itu rumah dia sendiri tetapi tempat tinggal dia tidak selesa bagaimana hendak menenangkan hati, besok dia kena kerja. Maka ini juga patut diambil perhatian. Dan juga dia pergi kerja memakai pakaian, pakaian mesti seragam, pakaian ini juga dia akan keluar belanja yang tidak mencukupi untuk sepasang pakaian, apa yang saya dapat tahu \$20 sepasang baju. Cubalah kita perhatikan, dapatkah mereka ini membelanjakan \$20 untuk sepasang baju, hendak pergi kerja mesti pakai baju uniform. Ini juga patut diambil perhatian. Kalau segalanya ini tenang, kemudahan kepada mereka ada, tentu sekali hatinya senang untuk menghadapi masalah di hospital.

Bekerja di hospital ini teruk, sebabnya menghadapi orang sakit. Maka kalau fikiran dia tidak tenang di rumah merunsingkan tentu sekali keadaan itu akan berlaku. Maka itulah sepatutnya kita mengambil perhatian perkara-perkara sedemikian untuk rakyat dan juga untuk pekerja-pekerja yang berkenaan.

Saya akan beredar kepada yang lain pula. Kepada Kementerian Penerangan yang sangat saya kasihi, saya ingat ramai rakan-rakan saya faham. Selain daripada rakan-rakan saya telah menyatakan beberapa perkara berkenaan dengan Televisyen dan Radio, saya tidak akan memperkatakan itu, tetapi ada satu perkara yang saya ingin menyatakan supaya dapat pembelaan daripada Kementerian - bukan banyak, 4 orang sahaja.

Pegawai-pegawai Penerangan Daerah ini telah terpilih untuk dimasukkan ke Universiti selama 4 tahun. Maka mereka pun dipanggil, ditemuduga dan masuk ke Universiti Sains - 4 tahun. Telah berlalu dua tahun, satu sen pun tidak ada gaji tetapi mereka tabah menghadapinya kerana hendakkan pelajaran supaya dapat mereka menambahkan kebaikan kepada Kementerian Penerangan pada masa akan datang.

Selepas dua tahun merayu, merayu dapat dua daripadanya pinjaman daripada JPA dan dua lagi daripada MARA tiga ribu ringgit lebih setahun. Cubalah bayangkan bagaimana? Mereka ini, ada anak isteri. Nasib baik isteri bekerja boleh tanggung anak. Berkorban untuk hendak meninggikan taraf Kementerian. Hanya empat orang yang dipilih oleh Kementerian. Sepatutnyalah ditimbangkan bagi setengah gajikah, dapatlah dia hidup.

Selepas itu apabila dia keluar daripada Universiti mendapat ijazah kalau dia masuk balik di jabatan, dia adalah orang baru dan 10 atau 15 tahun dia berkhidmat pada masa dahulu lupus sama sekali. Jadi, ini patut kita bela. Kepada siapa mereka berkata, hendak berjumpa bos-bos ini payah sedikit, maklumlah orang-orang bawah ini. Jadi, kalau ada tempat mereka mengadu maka patutlah disuarakan di dalam Dewan yang mulia ini, itulah saya sampaikan.

Saya tidak akan bercakap panjang-panjang tetapi saya sentuh sedikit-sedikit mengenai Kementerian-kementerian.

Saya hendak sentuh sedikit mengenai Kementerian Pengangkutan. Tuan Yang di-Pertua, kepada seorang yang sudah berumur 55 tahun dia akan mendapat bayaran setengah tambang penerbangan dalam negeri. Kalau hendak ditentukan tempat kita, kita mesti buat booking seminggu dahulu. Kalau hendak juga pada hari itu, pergi tunggu dekat Airport, ada kosong kosong, boleh masuk, kalau tidak ada tunggu lepas satu kapalterbang, satu kapalterbang. Dia sudah berumur 55 tahun lebih. Apakah istimewa yang diberikan itu. Sedikit sangat yang hendak dibagikan itu, penghabisan sekali. Sudah bagi dia kemudahan setengah tambang, bagi dia kemudahan, hendak tentukan tempatnya seminggu tetapi sedikit lagi ini. Kalau dia beli hari itu, dia boleh naik hari itu dan tentukan tempat duduk dia.

Kalau orang tua-tua dia berdoa, 100 orang berdoa setiap hari perkara ini maka negara kita akan selamat - lebih selamat lagi pada masa akan datang. Sedikit sangat pelepasan yang hendak diminta. Ini juga patut diperhatikan. Kalau tidak, apa istimewanya. Tetapi tidak macam **itu**. Bila dia pergi dengan setengah tambang, bila-bila masa pun boleh naik. Tetapi kalau sekiranya orang tua-tua ini ada anak-anaknya di negeri-negeri dalam Malaysia kita ini yang sakit, yang patut dilihat dengan segera, dengan tidak ada tempat duduk daripada satu kapalterbang kepada satu kapalterbang, dia kena tunggu. Ini juga sekali lagi saya minta perhatian.

Lagi satu, ini hal-hal wanitalah. Balu-balu yang menerima pencen. Kuatkuasa balu-balu menerima pencen ini daripada 1.1.1970. Lepas 12 1/2 tahun pencen dia akan dipotong 30%. Kalaupun dia dapat \$200 potong 30% tinggalah \$140, maka hiduplah ibu ini seorang-seorang dengan \$140. Kalau anaknya hendak bantu, anaknya pun ada masalah, ada rumahtangga. Jadi, pada pandangan saya sebab kita membincangkan perkara kewangan, ini juga patut diambil perhatian. Kalau hendak bayar balik itu memang susahlah, duit tidak ada. Tetapi kalau buat hadkan, kalau pencen dia \$200 atau \$300 tak usahlah potong, potong yang tinggi-tinggi itu, yang rendah ini jangan potong. Kalau hari ini \$140 dia hendak makan apa, kehidupan dia macam mana seumur hidup. Jadi, itu juga patut kita ambil perhatian.

Beralih kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Baru-baru ini heboh dalam suratkhbar pelancong-pelancong yang datang ke negeri kita ini. Saya pun bersama juga dengan rakan-rakan memperkatakan perkara ini. Palancong-pelancong ini datang pada mulanya memang hebat, datang dengan kapalterbang, tinggal di hotel-

hotel besar, tidak lama, tiga, empat hari sahaja, lepas itu dia turun ke bawah kalau macam di Pulau Pinang dia akan pergi cari rumah-rumah di tepi-tepi pantai, sewa bilik. Pakailah selek-selek, berjalanlah ke sana ke mari, masuk ke pejabat-pejabat kita, masuk ke bank-bank kita yang hebat-hebat itu dengan pakaian yang kotor, memalukan kalau pelancong macam ini datang.

Selepas itu membuat olah lagi, mandi di tepi-tepi pandai sesuka hati seolah-olah macam negeri **dia**, dia buat apa sahaja pun tidak siapa hendak larang, tengah padangkah, di tepi pantaikah dia punya suka, di tepi jalankah, siapa hendak tengok, tengok. Tetapi negara kita berlainan sekali. Bagaimana kita hendak mengatasi perkara ini,

Apakah kita mesti buat signboard, hendak masuk ke Malaysia kenalah bersopan santun kerana negara ini negara Islam, pakaian hendaklah serba lengkap. Ini mandi di tepi laut. Selama hari ini mandi di tepi laut, dia boleh tidak sehelai benang tetapi ini sampai naik ke atas keretapi dia sanggup berbuat begitu, cuba bayangkan. Kalau ikan terdedah kucing mana tidak hendak cakar. **[Ketawa]**

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya sedih sekali yang kena hukum adalah rakyat negara kita, yang dia lepas sahaja, yang buat kerana adalah **dia**. Ini juga menyedihkan seolah-olah begitu ganas lelaki di Malaysia tidak boleh tengok perempuan. Ini harus memalukan diri

kita sendiri. Kalau kenakan kepada lelaki itu kenakan juga kepada si pelancong wanita ini. Dia ini adalah datang daripada Australia. Apakah motifnya? Hendak dendam, kita tidak tahu. Kesian si lelaki itu. **[Ketawa]** Dia kena denda, lepas itu pula dia seorang penuntut bagaimana pelajarannya nanti, ini kita harus ingat. Maka Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan ini hendaklah berhati-hati. Ambillah perhatian sedikit walaupun tidak standard cakapan ini.

Saya suka menyentuh lagi sedikit Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang pekerja-pekerjanya begitu kuat, rajin dan memang mengambil berat perkara-perkara kecil di kampung-kampung. Masalah TADIKA, masalah kelas memasak dia, kelas agama dia, bimbingan jahatan dia, semua berjaya, memang bagus sekali. Kerana apa, Yang Berhormat-Yang Berhormat? Kerana banyak pekerja-pekerja wanita! **[Ketawa]**

Wanita, dia tekun, dia mengajar masak, dia mengajar menjahit, dia mengajar agama, dia mendidik anak-anak di Tadika. Bila satu-satu masa kena kempen pilihanraya, cuba tanya Penyelia KEMAS kawasan-kawasan berapa orang pengundi ada duduk dalam kawasan awak? Dia boleh jawab, sekian banyak kerana dia ada di bawah sana P.M. dia yang menjaga 10 rumah seorang, jadi begitu tersusun.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang mana Timbalan Menterinya pun bukan sahaja segar, handal-handal, kuat-kuat buat kerja itu tetapi bagaimana dengan perpaduan. Dalam Belanjawan kita ini untuk Jabatan Perpaduan Negara apa dia buat, banyak mana kemajuannya, berapa orang dalam kelas-kelas dia, maka ini hendaklah disiasat dan diperbaiki. Kita tidak mahu membazir wang begitu banyak. Banyak keperluan lain boleh diambil perhatian daripada ini. Cakap sahaja perpaduan, perpaduan wallahuallam, tak tahu di mana.

Kementerian Kemajuan Tanah dan Keraajaan Wilayah. Di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah di Pulau Pinang ada PERDA. PERDA ini adalah khusus ditubuhkan kerana hendak menambah lagi kebaikan kampung-kampung, tetapi sayang sekali di dalam pulau ini terlalu sedikit kawasan yang diberikan kepada PERDA untuk dibangunkan. Kalau kita ikut satu Parlimen ada tiga kawasan Dewan Undangan Negeri, dalam satu kawasan Parlimen itu hanya dua kawasan sahaja yang masuk, satu terkeluar daripada pembangunan PERDA. Jadi kalau begitu tak dapat tolong bumiputera dalam kawasan itu untuk mencapai kemajuan. Jadi itulah sebabnya kita membuat soalan dan juga bercakap di atas perkara Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini hendaklah dimasukkan satu kawasan kepada pembangunan PERDA di Pulau Pinang kerana kampung-kampung Melayu yang ada dalam

kawasan itu banyak. Saya merayulah supaya dapat dimasukkan, umpamanya di Pulau Pinang ada 11 kawasan Parlimen, dalam pulau hanya satu - Balik Pulau, itupun dua kawasan sahaja yang diberi pembangunan untuk PERDA, yang satu kawasan itu lepas, jadi Bayan Lepas hendaklah dimasukkan dalam kawasan PERDA.

Saya rasa saya telah sentuh beberapa banyak Kementerian, saya suka hendak sentuh sedikit Suruhanjaya Pilihanraya. Suruhanjaya Pilihanraya ini adalah nadi kepada kejayaan negara kita ini kerana di sinilah menentukan orang-orang yang mendattar nama pengundi yang boleh membuang undi, yang boleh memilih wakilnya untuk duduk di dalam Dewan yang menjadi pemerintah negara kita ini. Saya suka nyatakan ini kerana peruntukannya ada, kerjanya kurang. Jadi pada masa yang akan datang hendaklah Suruhanjaya Pilihanraya yang memilih pegawai-pegawai pendaftaran di kawasan-kawasan itu bekerjasama dengan KEMAS kerana KEMAS tadi saya telah katakan 10 rumah satu-orang telah menentukan kerja di situ, dia tahu siapa yang mendaftar dan tak mendaftar, dia tahu siapa yang boleh mengundi atau tak boleh mengundi. Maka dia hendaklah bekerjasama dengan pegawai-pegawai KEMAS supaya dapat mendaftarkan pengundi-pengundi yang baru dan kita dapat tahu berapa banyak pengundi-pengundi yang patut membuang undi.

Jadi, saya rasa itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengambil masa yang lama juga. Kerana rakan-rakan saya banyak lagi yang tak bercakap, jadi memadailah saya setakat itu. Sebelum saya duduk, saya ingin mengatakan sesuatu, segala saranan saya yang disampaikan di hari ini ataupun kelmarin bukanlah kerana kita tidak suka kepada Kementerian-kementerian ini, kadang-kadang ada risiko

juga kepada orang yang bercakap itu, tetapi bercakap dari hati yang suci semoga diterima dari hati yang suci.

Dengan ini, saya menyokong penuh Belanjawan 1988. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah.

3.57 ptg.

Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon izin berucap sepatah dua mengambil bahagian menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1988.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan tersebut dengan tujuan memberi satu garis panduan yang sederhana untuk kebaikan dan kepentingan bersama bagi rakyat di negara ini, Dalam Kementerian-kementerian, Belanjawan telah ditambah setimpal dengan kemajuan-kemajuan yang berlaku dari masa ke masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Kementerian Kesihatan kerana masih terdapat banyak tempat-tempat persinggahan bas umpamanya yang amat mendukacitakan. Bilik air dan tandas tidak bersih, seolah-olah kerana bilik air dan tandas itu tempat yang kotor biarlah ianya selalu kotor. Saya rasa tempat-tempat begini amat penting dijaga, mungkin kempen kebersihan dapat diadakan selalu oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat mungkin Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kewangan dapat memberi kemudahan-kemudahan perubatan kepada ibubapa-ibubapa, kepada pegawai-pegawai Kerajaan kerana hiugga kini hanya isteri-isteri dan anak-anak sahaja diberi layanan perubatan percuma sedangkan ibubapa-ibubapa tidak dapat layanan tersebut. Kementerian Kesihatan patutlah membenarkan suami

berada di sini isteri masa melahirkan anak di hospital. Kini klinik-klinik swasta sedang mengamaikan perkara tersebut. Perkara ini bukan sahaja memberi sokongan moral kepada isteri bahkan juga si suami akan lebih insaf, kasih sayang terhadap isteri dan juga dapat menunaikan tugas suami untuk qamat atau 'bang'kan bayi yang baru dilahirkan sendiri nanti. Dengan ini kita jalankan aktiviti penerapan nilai-nilai Islam.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun terdapat begitu ramai sekali buruh-buruh asing yang berhijrah ke negara kita. Tidak bolehkah Kementerian Belia dan Sukan memberi satu bimbingan kepada belia-belia kita yang amat ramai menganggur supaya menyahut seruan bekerja dengan mengikis sifat-sifat negatif seperti malu umpamanya bekerja sebagai seorang buruh. Di tempat saya, apabila musim menuai padi, kita boleh lihat ramai buruh-buruh tersebut datang mencari rezeki di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kewangan, di sempadan Malaysia-Thailand terdapat sebuah tembok yang memisahkan di antara Malaysia dan Thailand. Perkara yang aneh berlaku ialah seseorang yang hendak pergi membeli-belah di Padang Besar terpaksa melalui pemeriksaan Kastam dan Imigresen di sebelah Malaysia. Lepas membeli-belah berhampiran tembok di sebelah Malaysia juga seseorang itu terpaksa membayar cukai di sebelah Malaysia juga, seolah-olah kita membeli barang-barang dari negara kita dan kita kenakan cukai pula. Saya harap perkara ini dapat diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan supaya keadaan yang ada sekarang dapat diubahsuakan.

Mengenai dengan Kementerian Pengangkutan di Perlis terdapat sebuah Pejabat JPJ yang disewa iaitu Bangunan Perkumpulan Perempuan Perlis. Saya amat simpati dengan Jabatan ini kerana keadaan yang begitu sempit dan sesak dan amat tidak selesa untuk bekerja dan berharap pihak Kementerian akan bertindak dengan kadar segera untuk mendirikan bangunan JPJ sendiri kerana tapak tanah sudah sedia ada agak lama juga.

Kementerian Pendidikan telah menyediakan dan menjalankan KBSR dan KBSM. Namun begitu, saya berharap supaya pendidikan seks juga dapat diselitkan kerana saya dapati ramai anak gadis tidak tahu fungsi organ mereka. Umpamanya, dalam akhbar-akhbar terdapat kes-kes anak gadis diperkosa dan mengandung sehingga hampir melahirkan anak baru si gadis itu dapati dan tahu ianya mengandung. Ini menunjukkan betapa jahilnya seseorang itu hingga tidak tahu fungsi seks organnya.

Mengenai TBK atau Taman Bimbingan Kanak-kanak, baru semalam kita sama-sama mendengar bahawa terdapat perbezaan-perbezaan mengenai matlamat-matlamat TBK yang begitu banyak di negara ini ditubuhkan. Apa salah jika pegawai-pegawai di antara Kementrian-kementerian seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Jabatan Perdana Menteri dapat berbincang dan selaraskan syllabus untuk matlamat yang sama untuk rakyat kita di Malaysia supaya cintakan Malaysia sejak dari kecil-kecil lagi. Kenapa harus berbeza-beza. Mungkin approachnya berlainan, tetapi goalnya adalah sama. Wanita-wanita di negara ini amat bertuah kerana kita mempunyai Undang-undang Keluarga sebagai panduan untuk menolong menyelesaikan berbagai masalah. Kita diberi peluang bekerja setimpal dengan kelulusan dan kebolehan kita. Walaupun begitu, wanita-wanita yang bekerja dan mempunyai anak kecil patut diberi kemudahan tempat meninggalkan anak sementara ibu-ibu bekerja. Penyusuan ibu amat penting kepada anak kerana pendidikan bermula sejak awal-awal lagi. Sebuah keluarga yang berharmoni sahajalah yang akan menjadi rakyat negara yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menarik minat pelaburan asing ke-negara, satu usaha publisiti yang luas harus diadakan kerana saya dapati di beberapa negara yang saya lawati, penduduk-penduduk di

Seperti kita sedia maklum, memandangkan kedudukan ekonomi negara dan antarabangsa strategi Belanjawan 1989 adalah bertujuan untuk:

- (i) mengukuhkan proses pemulihan ekonomi dengan menggalakkan pertumbuhan dan mewujudkan peluang pekerjaan;
- (ii) meningkatkan kecekapan industri; dan
- (iii) memperbaiki kewangan sektor awam.

Strategi Belanjawan ini adalah suatu strategi yang munasabah, realistik dan sesuai dengan perkembangan ekonomi semasa negara. Ia nya membuktikan kesungguhan dan komitmen Kerajaan, bukan sahaja untuk terus menyediakan kemudahan-kemudahan asas sosio-ekonomi seperti pelajaran, kesihatan, bekalan air, bekalan tenaga elektrik dan jalanraya-jalanraya bagi masyarakat luar bandar sejajar dengan objektif Rancangan Malaysia Kelima untuk menyusun semula masyarakat dan ekonomi negara, tetapi juga berusaha untuk mengatasi masalah pengangguran yang begitu membimbangkan sejak kebelakangan ini. Semua ini jelas membuktikan Kerajaan bersungguh-sungguh bertindak mengukuh pemulihan ekonomi negara yang merosot akibat, dengan izin, global economic recession.

Belanjawan yang dibentangkan itu tidak langsung membebankan rakyat berpendapatan rendah dan adalah satu Belanjawan yang patut disanjung tinggi semasa zaman kemelesetan **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham dan mengakui bahawa terdapat beberapa bahagian di dalam Belanjawan 1988 yang tidak begitu menggemar dan menggalakkan segelintir masyarakat seperti keengganan Kerajaan untuk mengkaji semula gaji kakitangan Kerajaan, pengurangan gaji permulaan kakitangan yang baru diambil dan mengenakan semula cukai jualan 5% ke atas barang makanan tertentu seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 1988. Tetapi saya berpendapat kita harus bersyukur kepada Tuhan kerana dapat masyarakat Malaysia hidup dengan mewah dan dapat menikmati semua kemudahan asas tanpa kebuluran seperti terdapat di beberapa negara dalam dunia ini. Setiap rakyat di negara ini boleh mencari rezeki untuk makan jika mereka berusaha mencarinya.

Jika seorang itu kebuluran, itu adalah kerana kemalasan sendiri dan sehingga ini kita tidak pernah mendengar seorang pun yang mati kebuluran di negara **ini**. Ini jelas bererti "Jika mahu seribu daya, jika tidak mahu seribu dalih".

Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa sebarang kekecewaan dan rungutan yang dilahirkan oleh pihak-pihak tertentu sama ada secara langsung atau tidak langsung atas Belanjawan yang dikatakan kononnya tidak begitu menggalakkan itu, adalah semata-mata berniat buruk, bertujuan mencemarkan nama baik Kerajaan **dan**, dengan izin, **politically motivated**. Saya yakin dan percaya Kerajaan, Yang Berhormat Menteri Kewangan ataupun pakar-pakar ekonomi kita tidaklah boleh dipersalahkan, tetapi kemelesetan ekonomi yang bukan sahaja melanda negara kita tetapi seluruh dunia haruslah diambil kira. Dan Kerajaan pula telah berikhtiar bersungguh-sungguh serta berjaya mengawal kemelesetan ekonomi negara dan usaha Kerajaan haruslah dipuji.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk membentangkan Belanjawan yang sedemikian rupa adalah suatu tindakan yang menunjukkan kesungguhan Kerajaan untuk mengukuhkan proses pemulihan ekonomi negara dengan menggalakkan pertumbuhan dan mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan kecekapan industri dan memperbaiki sektor awam. Oleh yang demikian, semua rakyat yang **bertanggungjawab** di negara ini harus membuktikan perasaan cintanya kepada negara dengan cara bersedia untuk berkorban menerusi kesanggupan untuk menerima aspek-aspek yang kurang menyenangkan mereka dalam Belanjawan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek yang penting dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah berkaitan dengan keutamaan negara pada masa ini yang mementingkan pemulihan ekonomi negara dan perpaduan rakyat. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang meminta kita supaya jangan ungkit perkara-perkara yang telah dipersetujui bersama dan bermain api dengan isu-isu sensitif.

Dalam aspek ini saya ingin menyentuh sedikit tentang interaksi dan persefahaman kaum. Kerajaan telah berusaha memupukkan perpaduan rakyat menerusi berbagai agensinya seperti Jabatan Perpaduan Rakyat, Skim Rukun Tetangga dan sebagainya. Tujuan agensi-agensi ini adalah untuk membimbing kumpulan ethnic di negara ini sering berinteraksi dalam hubungan yang erat serta anggota-anggotanya mempunyai lebih banyak peluang untuk faham memahami antara satu dengan lain. Meskipun interaksi antara kaum itu satu proses yang agaknya lazim dan biasanya berlaku dengan sendirinya, namun memandangkan peri pentingnya proses itu ke arah memupuk persefahaman kaum, usaha-usaha yang lebih gigih hendaklah diadakan untuk mencepatkan proses tersebut.

Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, di negara kita pemimpin-pemimpin negara termasuk Ketua-ketua Jabatan Kerajaan yang sering melaung-laung peri pentingnya perpaduan rakyat tidak mengarabil berat malah mengabaikan usaha-usaha ke arah memupuk interaksi dan persefahaman kaum. Pegawai-pegawai Kerajaan Ini menjadi over-zealous, dengan izin, dan melakukan beberapa perkara yang menjejaskan perpaduan kaum. Tindakan mereka ini menimbulkan perasaan tidak senang hati di kalangan rakyat yang berbilang kaum di negara ini. Mereka memendara perasaan curiga di antara satu sama lain dan menimbulkan perasaan syak wasangka di antara mereka walaupun pada keseluruhannya, dengan izin, they appear to be racially united.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya tindakan oleh Ketua-ketua Jabatan Kerajaan inilah yang menjadikan perpaduan kaum di negara ini tergantung atas benang yang nipis. Ketua-ketua Jabatan ini patutlah diberi gambaran yang sebenarnya dan diberi taklimat yang mendalam dalam aspek perpaduan kaum agar tindakan mereka atas nama Ketua Jabatan tidak menjejaskan perpaduan kaum.

Izinkan saya memberi beberapa contoh. Baru-baru ini satu gerakan besar-besaran kenaikan pangkat bagi guru-guru sekolah di negeri Perak telah diumumkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Perak. Beberapa jawatan kenaikan pangkat telah diumumkan dan beberapa pertukaran guru dibuat berikutan dengan pengumuman itu. Mengambil kesempatan ini semua Penyelia Sekolah yang fasih dalam bahasa Tamil di Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah telah ditukarkan ke tempat lain. Mereka digantikan dengan pegawai-pegawai yang tidak boleh langsung bertutur ataupun memahami bahasa Tamil. Ini bererti tidak ada seorang pun pegawai Penyelia Sekolah Rendah di seluruh 9 Pejabat Pelajaran Daerah di negeri Perak yang boleh memahami dan bertutur dalam bahasa Tamil. Perkara begini adalah tidak sihat kerana orang ramai akan mempunyai pandangan yang negatif, jika mereka datang ke Pejabat Pendidikan Daerah melihat keadaan begini di Pejabat-pejabat tersebut, lebih-lebih lagi jika tidak ada seorang pun pegawai yang fasih dalam bahasa Tamil di Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah. Bagaimanakah penyeliaan ke atas Sekolah Tamil boleh dibuat di daerah tersebut? Ini akan menyulitkan pentadbiran PPD.

Pada tahun 1985 tiga orang pegawai Tamil berkhidmat sebagai Penyelia Sekolah di tiga buah PPD di negeri Perak - seorang di Manjong, seorang di Kinta dan seorang lagi di Taiping. Pada tahun 1985 Penyelia Sekolah di daerah Manjong yang fasih dalam bahasa

Tamil ditukarkan keluar, tetapi gantinya adalah seorang pegawai bukan fasih berbahasa Tamil. Dan seterusnya baru-baru ini Penyelia Sekolah Daerah Larut-Matang-Selama-Kinta ditukarkan keluar tetapi malangnya ganti mereka juga bukan orang yang fasih dalam bahasa Tamil. Perkara begini telah menimbulkan perasaan kurang senang hati di kalangan guru dan masyarakat keturunan India. Kepercayaan dan keyakinan terhadap Kerajaan mula merosot akibat tindakan Ketua Jabatan Pendidikan Negeri Perak. Apakah salahnya Penyelia Sekolah yang fasih dalam bahasa Tamil digantikan dengan pegawai Tamil demi kepentingan Sekolah Tamil di negeri Perak?

Seperti kita maklum bahawa Malaysia adalah sebuah negara majmuk yang mempunyai berbilang kaum. Kita telah wujudkan negara kita dengan semangat perpaduan tetapi walaupun 30 tahun kita merdeka dan kita binakan negara kita dengan semangat perpaduan kita, semakin banyak persoalkan kecurigaan di antara kaum dalam negara kita. Kecurigaan ini menimbulkan prasangka-prasangka yang buruk antara satu sama lain akibat perbuatan segelintir pegawai yang over-zealous, dengan izin, seperti di negeri Perak. Saya yakin dan percaya perkara ini dapat diselesaikan dengan cara yang baik demi kepentingan perpaduan rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada peruntukan bagi tahun 1988, sebahagian besar daripada peruntukan di bawah perbelanjaan Mengurus ialah bagi Pendidikan dan Kesihatan. Sebanyak \$5.2 ribu juta ataupun 24% daripada jumlah perbelanjaan Mengurus disediakan bagi kedua-dua sektor tersebut. 22.9% ataupun \$1.6 ribu juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan bagi sektor sosial termasuk Pendidikan dan Kesihatan. Oleh kerana kedua-dua sektor ini telah menelan belanja yang begitu besar, saya ingin menyentuh sedikit tentang beberapa perkara dalam kedua-dua sektor ini.

Oleh kerana saya adalah seorang bekas guru, saya mempunyai minat dan kecenderongan yang lebih dalam bidang pendidikan. Pendidikan selalu mendampingi hati sanubari saya. Justru itu, saya ingin membawa nasib segolongan guru yang amat menyedihkan ke perhatian Dewan yang mulia ini. Mereka adalah guru-guru sandaran tanpa latihan yang mempunyai kelulusan darjah VH yang pada masa itu tahun 1958 digelar sebagai, dengan izin, Preparatory Examination for Tamil Teachers. Pada tahun berikutnya, peperiksaan ini telah dimansuhkan dan beberapa orang yang berkecualan ini mula berkhidmat sebagai guru sementara di bawah Skim Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kategori B3 semenjak itu. Mereka ini mempunyai kelayakan akademik yang tinggi dalam bahasa Tamil dan telah mencurahkan khidmat bakti mereka dengan tekun dan berdedikasi selama ini. Saya berpendapat jasa mereka patut dikenang oleh Kerajaan.

Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Pendidikan akan mengkaji kemungkinan menyerapkan guru-guru ini ke dalam jawatan tetap dengan memberi latihan perguruan secara intensif semasa cuti sekolah. Kementerian Pendidikan pernah memberi beberapa konsesi kepada guru-guru sebelum ini, seperti kelonggaran syarat bahasa Malaysia dan saya berharap Kerajaan akan memberi satu lagi konsesi kepada golongan guru yang terlibat ini. Mereka yang terlibat adalah sebilangan yang kecil, hanya lebih kurang 70 orang guru sahaja dan implikasi kewangan jika mereka diserapkan dalam jawatan tetap tidaklah begitu banyak.

Guru-guru ini telah berkhidmat berpuluh tahun secara guru sementara dan usia mereka kini hampir 50 tahun. Mereka tidak boleh

mencari pekerjaan yang lain sekarang. Memandangkan mereka mempunyai kelulusan Preparatory Examination for Tamil Teachers, dengan izin, Kementerian hendaklah mengiktiraf kelayakan ini sebagai kelayakan perguruan yang sah dan menyerapkan mereka ke jawatan tetap dalam kategori B1 atau B2,

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh adalah berkenaan dengan buku bacaan ibunda di Sekolah Kebangsaan dan di Sekolah Rendah Kebangsaan di bawah KBSR. Kerajaan telah memberi semua buku teks dengan percuma kepada murid-murid Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan melainkan buku bacaan bahasa ibunda iaitu buku bacaan Tamil dan Cina. Murid-murid tidak mempunyai buku bacaan Tamil dan Cina dan terpaksa photostat buku bacaan yang dipegang oleh guru-guru, kerana buku bacaan tidak boleh dibeli dalam pasaran dan pengeluarannya terhad. Saya tidak mengerti kenapa buku bacaan ini tidak boleh diberi kepada murid-murid yang mengambil matapelajaran bahasa ibunda ini. Saya berharap Kementerian Pendidikan akan mengkaji situasi ini dan membekalkan buku bahasa ibunda kepada murid-murid di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan yang ingin mempelajari bahasa ibunda mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang menarik perhatian saya dalam Belanjawan 1988 adalah berkaitan dengan cadangan untuk menghapuskan semua cukai atas pelbagai barangan yang digunakan oleh pesakit buah pinggang. Adalah dianggarkan bahawa lebih kurang 750 orang mengalami kerosakan buah pinggang dalam setahun. Semua pesakit ini, kecuali mereka yang berupaya menukar buah pinggang memerlukan rawatan sama ada secara haemodialysis, IPD, CAPD dan CCPD. Sebilangan kecil sahaja mampu mendapat rawatan dengan

alat-alat yang dibelinya sendiri. Rawatan secara haemodialysis adalah mahal. Mesinnya bernilai \$25,000 dan ubatnya bagi sebulan \$900 bagi seorang pesakit. Hospital-hospital Kerajaan hanya dapat merawat lebih kurang 170 orang pesakit sahaja setahun.

Saya mengalu-alukan tindakan Kerajaan yang menghapuskan semua cukai ke atas alat-alat dan bahan-bahan yang digunakan oleh pesakit-pesakit buah pinggang memandangkan kos rawatan penyakit buah pinggang adalah tinggi dan keupayaan Kerajaan menyediakan rawatan adalah terhad. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengesyorkan kepada Kerajaan supaya membeli lebih banyak lagi mesin haemodialysis dan menempatkan mesin-mesin ini di setiap hospital besar dalam negara kita ini agar lebih banyak lagi pesakit buah pinggang dapat dirawat. Keupayaan hospital-hospital Kerajaan yang hanya dapat merawat 170 orang pesakit setahun adalah terlalu rendah dibandingkan dengan 750 orang yang mengalami kerosakan buah pinggang setiap tahun.

Setiap hospital besar di negara ini perlu mempunyai sekurang-kurangnya 5 mesin haemodialysis supaya dapat merawat pesakit buah pinggang di hospital yang berhampiran dengan tempat tinggalnya. Pada masa ini terdapat keadaan di mana seorang pesakit buah pinggang di Ipoh terpaksa pergi ke Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan segera. Perkara ini akan menyulitkan keadaan pesakit dengan lebih teruk lagi. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan mengkaji kemungkinan menambahkan lagi mesin haemodialysis agar pesakit dari luar bandar yang tidak berkemampuan seperti petani, nelayan, rakyat yang berpendapatan rendah dan rakyat yang tinggal di ladang, kampung dan sebagainya dapat menikmati kemudahan ini yang dapat menyelamatkan nyawa mereka jika malang mereka mengalami penyakit ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang saya ingin menyentuh ialah berkenaan dengan kemudahan-kemudahan sophisticated, dengan izin, yang terdapat di hospital-hospital swasta seperti mesin scanning dan sebagainya. Pesakit-pesakit yang dirawat di hospital-hospital Kerajaan tidak dapat menikmati kemudahan mesin-mesin sophisticated ini. Oleh yang demikian, Kerajaan haruslah mengkaji kemungkinan membeli mesin-mesin yang sangat berguna ini untuk kajian dan pengesanan jenis penyakit. Ada kalanya, seorang yang dirawat dalam hospital Kerajaan yang ingin mendapatkan kemudahan mesin-mesin sophisticated ini di hospital swasta, tidak diberi kemudahan menggunakan ambulan untuk dibawa ke hospital swasta. Pesakit hospital Kerajaan ini ingin mendapatkan kemudahan mesin untuk mengesan penyakitnya. Kemudahan ini tidak ada di hospital Kerajaan Ipoh tetapi hanya terdapat di hospital swasta. Dengan hal yang demikian, saya harap pihak hospital akan mengkaji kemungkinan menghantar pesakit-pesakit di hospital Kerajaan yang memohon kemudahan mesin di hospital swasta, jika mereka sanggup membayar untuknya dengan ambulan Kerajaan. Perkara begini mesti akan mengurangkan beban mengesan penyakit oleh doktor-doktor di hospital Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan peruntukan sebanyak \$4.2 ribu juta ataupun kira-kira 2/3 dari Perbelanjaan Pembangunan tahun 1988 bagi tujuan membasmi kemiskinan di bawah Dasar Ekonomi Baru dengan memberi keutamaan kepada projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar di mana kemiskinan adalah ketara.

Saya mengambil kesempatan ini merayu kepada Kerajaan untuk mengambil kira kedudukan dan situasi pekerja-pekerja ladang dan lombong yang tinggal di kawasan luar bandar apabila melaksanakan projek-projek pembangunan luar bandar. Satu survey yang dilakukan oleh Kerajaan baru-baru ini membuktikan bahawa 80% ladang getah dan lombong di negara ini bergantung kepada bekalan airnya sendiri dan tidak satu pun bekalan air di ladang-ladang ini mempunyai air yang standard dan tidak selamat diminum.

Ini adalah perkara yang amat mengejutkan. Sampel-sampet air yang diambil ini menunjukkan bahan asing dalam air dan airnya mendung oleh kerana tidak mempunyai saluran-saluran najis yang teratur. Perkara begini telah mengakibatkan penduduk-penduduk ladang mengalami penyakit kulit dan cirit-birit di kalangan penduduk ladang. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan supaya mengambil tindakan yang segera untuk membekalkan semua ladang di negara ini dengan kemudahan air yang selamat diminum. Kerajaan haruslah mengkaji kemungkinan membekalkan semua ladang di negara ini dengan kemudahan air bersih, elektrik, jalan dan telefon supaya menarik lebih banyak lagi pemuda-pemuda kita berkerja di ladang serta mengurangkan penghijrahan pemuda dari ladang ke bandar. Perkara begini pasti akan mengurangkan pengangguran di kalangan pemuda yang tinggal di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang berusaha memasarkan bahan-bahan mentah keluaran negara ini di luar negeri. Akan tetapi berbagai kempen sedang dibuat untuk menjatuhkan imej barangan keluaran negara ini oleh pihak-pihak tertentu yang mempunyai niat yang buruk. Suatu daripadanya adalah minyak kelapa sawit kita yang diburuk-burukkan oleh Amerika Syarikat.

Kita amat bangga kerana Malaysia adalah negara yang utama sekali mengeluarkan minyak kelapa sawit: di dunia yang digelar sebagai tanaman emas negara kita. Berjuta-juta ringgit telahpun dibelanjakan oleh Kerajaan Malaysia untuk menanam dan memasarkan minyak kelapa sawit ini. Kelapa sawit ditanam dengan begitu luas dan saya khuatir apa akan jadi jika tanaman ini tidak wujud lagi. Commercial survival, dengan izin, minyak kelapa sawit ini penting bagi ekonomi dan pembangunan negara.

Ancaman oleh Amerika Syarikat dan negara-negara EEC yang menuduh bahawa minyak kelapa sawit adalah bahaya untuk kesihatan bertujuan semata-mata menjahanamkan pasaran minyak kelapa sawit negara ini supaya dapat mereka memasarkan minyak soya bean yang tidak begitu laku dalam pasaran dunia. Jika mereka berjaya, saya khuatir berjuta-juta ringgit yang telah ditanam modal serta kehidupan beribu-ribu orang yang bergantung dengan industri kelapa sawit akan terancam. Kerajaan kita telah mengambil beberapa langkah untuk mematahkan kempen anti minyak kelapa sawit ini oleh Amerika Syarikat dan EEC. Akan tetapi saya berpendapat tindakan yang diambil oleh Kerajaan tidaklah begitu forceful. Saya bercadang Kerajaan mengambil beberapa tindakan yang berikut untuk menghapuskan kempen anti kelapa sawit oleh Amerika Syarikat:-

- (i) mengadakan iebih banyak iklan di media-massa dalam TV di Amerika Syarikat dan EEC yang menekankan minyak kelapa sawit sebagai minyak yang boleh dimakan dan tidak berbahaya dan mengadakan lebih banyak seminar dan pameran mengenainya;
- (ii) mewujudkan biro minyak kelapa sawit di setiap Pejabat Mission Luar Negeri untuk menyebarkan maklumat tentang minyak kelapa sawit ini;
- (iii) pakar-pakar sains dan penyelidikan minyak kelapa sawit hendaklah dihantar keluar negeri. untuk menambahkan pemasaran minyak kelapa sawit;
- (iv) mendapatkan bantuan negara-negara ASEAN dan agensi-agensi Bangsa-bangsa Bersatu untuk memerangi kempen anti kelapa sawit; dan akhir sekali

- (v) kempen yang agak mendalam hendaklah dibuat dalam negara ini untuk menekan rakyat Malaysia menggunakan minyak kelapa sawit untuk masakan-masakan mereka.

Kita mempunyai asas yang kukuh untuk memerangi kempen anti kelapa sawit ini. Data-data yang ada menunjukkan bahawa Malaysia akan berjaya dalam kempen ini. Kita mesti mempunyai kuasa politik yang amat kukuh untuk memerangi kempen oleh negara gergasi itu. Oleh yang demikian, saya merayu supaya setiap rakyat di negara ini menyokong usaha Kerajaan memasarkan minyak kelapa sawit agar industri ini terus maju demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh di Dewan yang mulia ini adalah berkenaan dengan rampasan kuasa di Fiji dan pendirian Malaysia terhadapnya. Saya memang mempunyai banyak simpati politik dengan negara-negara kecil yang menghadapi masalah sosio-politik dan ancaman terhadap kestabilannya. Tetapi di Fiji apa yang kita memerhatikan ialah rampasan kuasa daripada pihak tentera yang menggulingkan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat negara itu.

Kolonel yang sekarang digelar Brigadier Sitivani Rabuka telah merampas kuasa dan menghapuskan Kerajaan demokratik rakyat. Brigadier Rabuka telah mengumumkan dengan jelas bahawa beliau tidak akan membenarkan suara penduduk majoriti timbul lagi. Ini bermakna bahawa beliau dan pihak tentera akan menggalakkan kuasa minoriti sebagai kuasa Kerajaan. Beliau telah memberi alasan yang bermacam-macam untuk berbuat demikian. Tetapi prinsip yang asas dalam keadaan politik Fiji ialah bahawa Kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan mencerminkan hasrat majoriti dengan juga memberi suara dan

penyertaan kepada kaum minoriti telah digulingkan melalui sasaran senapang pihak tentera. Hak asasi rakyat Fiji telah diketepikan dan suara demokrasi belum lagi diberi tempatnya.

Kita telah mengambil ketetapan dan pendirian yang tegas dalam keadaan yang sama di banyak tempat seluruh dunia. Kita telah mengutuk memutuskan perhubungan diplomatik dan menendang keluar dari Komonwel negara Afrika Selatan kerana kaum majoriti iaitu kaum kulit hitam telah ditindas dan dikecepuikan dalam hak demokrasi mereka.

Mengenai Kampuchea, Afghanistan dan banyak tempat yang lain kita telah mempunyai pendirian tegas sebulat suara dalam proses demokrasi dan hak asasi manusia. Tetapi mengenai Fiji pendirian Kerajaan Malaysia adalah amat mengelirukan dan tidak jelas. Kita haruslah berpegang tetap kepada prinsip-prinsip kita dan menggalakkan amalan hak manusia dan hak proses demokrasi. Kita tidaklah harus memihak kepada suara anti-demokrasi dan kekuatan tentera yang merampas kuasa rakyat kerana kita tidak akan dianggap sebagai jujur atau serius dalam pendirian kita di lain tempat jika berlaku di Fiji. Sekurang-kurangnya kita harus sabar sehingga keadaan di sana pulih seperti biasa dan demokrasi diberi tempat yang sah.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang industri pelancongan di negara ini yang dapat menghasilkan \$1.5 billion. Dari segi pendapatan, negara ini menduduki tempat kelima.

Baru-baru ini Malaysia menganjurkan Malaysia Fest '87 ataupun Pesta Malaysia '87 dengan membelanjakan \$1 juta untuk menarik pelancong ke negara ini. Mereka yang tidak tahu mungkin mengabaikan Pesta ini sebagai peristiwa yang membazir wang dan tenaga dalam waktu kita sedang kesempitan wang sekarang. Tetapi saya percaya wang yang dibelanjakan untuk menganjurkan Pesta ini sebenarnya membawa pulangan dari segi Tukaran Wang Asing. Akan tetapi Pesta Malaysia '87 yang telah berakhir baru-baru ini menimbulkan beberapa persoalan yang patut kita mengkaji bersama. Jika Pesta Malaysia ini bertujuan menarik pelancong dari luar negeri., saya kawatir publisiti mengenainya di luar negara tidak mencukupi..

Oleh yang demikian, pelancong dari luar negeri tidaklah begitu banyak mengunjunginya pesta **ini**. Sebaliknya, jika pesta ini bertujuan menarik pelancong dalam negeri, saya berpendapat tarikh yang diadakan pesta ini tidaklah sesuai, kerana tidak mengambil kira cuti persekolahan negeri ini. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan membuat kajian jangka panjang dan mengatitkan rancangan sekurang-kurangnya setahun ke hadapan mengadakan pesta seperti **ini** untuk menarik pelancong dari luar negeri.

Saya yakin dan percaya negara kita yang kaya dengan pelbagai kebudayaan, makanan dan permainan akan pasti menarik lebih banyak pelancong lagi ke negara ini. Jesteru itu saya mengalu-alukan peruntukan \$100 juta oleh Kerajaan untuk memperkenalkan Malaysia sebagai pusat pelancongan tahun ini, Sebelum ini, peruntukan yang disediakan tidak sampai pun \$30 juta. Saya berharap wang itu akan digunakan untuk memperkenalkan Malaysia kepada para pelancong luar negeri bagi memikat mereka datang ke mari. Sekiranya dengan peruntukan yang tidak sampai \$30 juta kita boleh dapat pulangan tahunan kira-kira \$1 bilion setahun maka dengan peruntukan yang lebih besar bagi tujuan promosi, saya berharap hasil tukaran asing dari bidang pelancongan tentunya boleh bertambah berlipat ganda lagi pada tahun-tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menyentuh sedikit tentang satu Persidangan Antarabangsa yang baru selesat di Kuala Lumpur. Persidangan itu ialah Persidangan Seminar Pengajian Tamil Antarabangsa yang Keenam yang dihadiri oleh lebih kurang 2,000 peserta dari lebih kurang 20 buah negara asing. Persidangan itu dirasmikan oleh Yang Amat Berliormat Dato' Sri. Perdana Menteri kita dan mendapat sokongan Kerajaan Malaysia. Ini jelas membuktikan

bahawa Kerajaan Malaysia memberi perhatian yang sewajarnya terhadap perkembangan bahasa Tamil di negara ini. Wakil daripada beberapa negara seperti Amerika Syarikat, France, Jepun, Britain, Mauritius, India, Sri Lanka dan lain-lain lagi, yang datang ke persidangan ini kagum dengan penglibatan Kerajaan Malaysia, terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Dato' S. Samy Vellu dalam menjayakan persidangan ini.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia atas sokongan ini. Persidangan yang berlangsung di Universiti Malaya di bawah 'Department of Indian Studies' telah menarik perhatian saya kerana dalam satu aspek, Jabatan Pengajian India hanya mempunyai bahasa Tamil dalam penggunaannya. Hanya bahasa Tamil digunakan dalam pengajian ini dan penuntut-penuntut pun hanya mengambil bahasa Tamil dalam pelajaran mereka. Oleh yang demikian, amatlah wajar dan sesuai Jabatan Pengajian India ditukar nama sebagai Jabatan Pengajian Tamil, sesuai dengan penggunaan bahasa Tamil di negara ini. Ini akan memberi lebih banyak erti dan makna kepada Persidangan Pengajian Tamil Antarabangsa yang kita menjadi tuan-rumah baru-baru ini.

Dengan harapan yang murni **ini**, sekali lagi, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1988 dan Usul Anggaran Pembangunan 1988. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Habidah binti Jusoh.

4.45 ptg.

Puan Habidah binti Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam membahaskan Belanjawan 1988 yang telah dibentangkan oleh Yang

Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di dalam Dewan yang mulia ini pada 3hb Disember yang lepas, yang mana Rang Undang-undang ini bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahas Belanjawan 1988 ini, saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja. Pertamanya, berhubung dengan Maksud B.7, iaitulah Jabatan Perdana Menteri. Mengikut Peruntukan bagi Jabatan Perdana Menteri untuk tahun 1988 ialah sebanyak \$328,225,410. Maka daripada peruntukan yang sebegini rupa diharapkan peruntukan agama patut diberi ke negeri-negeri untuk menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan. Selama ini peruntukan itu hanya dari segi pembangunan material sahaja. Begitu pun- dengan kegiatan takmir masjid harus dikaji semula kepada negeri-negeri yang telah ramai mempunyai mubaligh-mubaligh patut diberi peruntukan untuk dikendalikan oleh negeri-negeri. Sekarang ini seolah-olahnya Pusat Islam hendak berlawan pula dengan negeri-negeri di dalam bidang berkenaan. Kita tetap berterima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri Bahagian Hal Ehwal Agama Islam di dalam mengendalikan takmir masjid tetapi seelok-eloknya diberikan peruntukan yang lebih banyak kerana masih banyak lagi tempat-tempat yang perlu ditakmirkan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada guru-guru Al-Quran kampung yang mengajar Al-Quran di rumah-rumah juga perlu diberi perhatian dan peruntukan yang besar ke negeri-negeri yang telah dan sedang menjalankan operasi mereka seperti di Trengganu supaya anak-anak kita terus mengingati dan menghayati. Al-Quran yang mana dengan jalan

berpandukan Al-Quran dan Al-Hadis sahajalah yang boleh membawa kebahagiaan hidup baik di dunia mahupun di akhirat nanti. Kerana selama mana kita hidup di dunia ini pun kita akan menemui ajal. Firman Allah yang berbunyi "Ainama-takunu yudriq -qummul-maut, Walaukuntum fiburu-gin musyaiyadah" yang bermaksud - di mana sahaja kamu berada, kamu akan menemui maut walaupun kamu berada di dalam istana yang tersergam indah.

Maka dengan mengingati amaran Allah ini sudah tentulah kita ingin memperbaiki diri kita sendiri agar kehidupan kita akan lebih diredhai Allah di dalam menjalani hidup ini dan dari peruntukkan Kerajaan Pusat itu hendaklah ditingkatkan lagi dari masa ke semasa daripada masa-masa yang lepas demi untuk kebaikan agama kita yang maha suci.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh B.17, iaitulah Kementerian Belia dan Sukan.

Kita sedia maklum pada awal tahun 70 an yang lepas Kerajaan telah menubuhkan projek belia peladang dan diikuti pula oleh rancangan belia niaga. Saya ingin tahu setakat manakah projek ini berjalan dan kemanakah kedua-dua projek itu sekarang, Tuan Yang di-Pertua? Daripada apa yang telah saya dapat daripada buku Anggaran Belanjawan 1988 iaitu di bawah Maksud P.17 - Kementerian Belia dan Sukan di mana Anggaran Belanjawan bagi tahun 1988 bagi rancangan belia niaga ialah sebanyak \$1 juta.

Setahu saya projek seumpama ini telahpun dilaksanakan oleh Kerajaan pada akhir tahun 1970an lagi. Ini bermakna Kerajaan telah menghabiskan berpuluh-puluh juta ringgit untuk melaksanakan projek ini dan di masa-masa yang lepas banyak diantara belia-belia kita yang mendapat pinjaman daripada Kerajaan. Setengahnya dapat \$20,000 dan setengah dapat \$30,000 seorang bagi tujuan untuk berniaga, tetapi yang sedihnya Tuan Yang di-Pertua, apakala duit itu dapat ke tangan mereka bukan perniagaan yang dijalankan, bahkan mereka berjoli dan bermewah-mewah dengan duit pinjaman yang diberikan. Akhirnya, perniagaan tidak jadi. Jadi bagaimanakah pihak Kementerian boleh meluluskan demikian rupa? Sepatutnya sebelum sesuatu kelulusan dibuat hetidaklah dikaji dengan teliti terlebih dahulu supaya penyelewengan tidak berlaku.

Misalnya, mampukah belia-belia itu menjalankan perniagaan. Apakah polisi Kementerian untuk menggalakkan belia-belia menceburkan diri di dalam perniagaan walaupun kita sedia maklum rezeki yang datang daripada perniagaan adalah banyak dan adakah Kerajaan hendak memberi bantuan kepada mereka dari mula sehingga secara besar-besaran atau hanya sebagai asas sahaja. Kalau sebagai asas sahaja, saya cadangkan eloklah diberikan setakat \$3,000 - \$4,000 sahaja bagi seorang. Sekiranya mereka ada bakat, ada kemajuan, bimbinglah mereka untuk mendapat pinjaman dari agensi-agensi yang lain seperti MARA, bank dan lain-lain.

Saya rasa dengan cara ini dapat dinikmati oleh lebih ramai lagi belia-belie kita peruntukan tersebut, tidaklah sepertimana apa yang telah berlaku hanya bagi segelintir belia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Maksud P.17 juga Kementerian ini ada menyebutkan Pusat Latihan Belia Dusun Tua, Pusat Latihan Belia Negara (PERTAK), Pusat Latihan Belia Sepang dan Pusat Latihan Belia Jitra di mana di Pusat-pusat inilah diajar ilmu vokesyenal dengan harapan apabila mereka ataupun belia-belie itu keluar nanti, mereka boleh berdikari, tetapi apa yang berlaku kebanyakan pelatih-pelatih yang keluar dari sini mengejar jawatan-jawatan di Jabatan Kerajaan juga seperti menjadi buruh, Pelayan Pejabat dan sebagainya. Ini bermakna sudah lari dari tujuan asalnya. Kenapa Kementerian tidak menjadikan Projek Latihan Belia ini sebagai Projek Bersepadu dengan Projek Belia Niaga di mana belia-belie lepasan Pusat Latihan diberi bantuan melalui Rancangan Belia Niaga untuk mereka menceburkan diri di dalam bidang perniagaan kerana kalau sudah ada kepandaian dan mendapat pinjaman modal sudah tentulah mereka tidak akan mengejar jawatan Kerajaan seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang difahamkan kepada saya semasa menjalankan Rancangan Belia Niaga ini, Kementerian ada membuat pungutan balik daripada belia-belie yang mendapat peruntukan pinjaman itu, sudah berapa banyakkah yang dapat dipungut hingga sekarang berbanding dengan peruntukan yang dikeluarkan oleh Kerajaan daripada mula ditubuhkan dan ke manakah pergi duitnya itu?

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Belia dan Sukan juga ada menyediakan kemudahan sukan untuk bandar-bandar kecil seperti mengadakan mini stadium, padang permainan dan lain-lain. Bagaimana

sudah terjadi dengan projek ini? Saya rasa sebelum satu-satu projek itu dilaksanakan kajian perlu dibuat dari segenap segi bukan hanya dalam soal mengurus sahaja ataupun mengurus pembinaannya sahaja, tetapi soal menyelenggara dan merabaikinya juga perlu diambilkira.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Maksud P.17 juga saya ingin menyentuh di sini.

Setahu saya di dalam Rancangan Malaysia yang Keempat, iaitu Pusat Latihan Belia bagi negeri Terengganu sudahpun wujud, tetapi dalam Maksud P. 17 itu tidak pun disebut, kenapa berlaku demikian? Apa yang difahamkan kepada saya, Kerajaan Negeri Terengganu telahpun menyediakan tapak latihan belia di Wakaf Tapai, Marang Terengganu dan sudahpun diberi pampasan kepada tuan tanah,. Ini menunjukkan kesungguhan daripada Kerajaan Negeri Terengganu kerana berkehendakkan projek itu dapat berjalan dengan segera dan Kerajaan Negeri Terengganu juga telah menyediakan kampus sementara bagi Pusat Latihan tersebut di Jalan Sultan Mahmud, Kuala Terengganu di mana sedang berjalan sekarang. Tetapi oleh kerana kampus itu merupakan sebagai kampus sementara, banyak kekurangan kemudahan-kemudahan seperti bengkel dan lain-lain. Oleh itu para pelatih tidak mendapat latihan yang sempurna disebabkan kemudahan tidak teratur dan kurang, sebab itu diharapkan kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan dapat menyegerakan pembinaan bangunan Pusat Latihan tersebut di tapaknya yang sudah disediakan **itu**, iaitulah di Wakaf Tapai, Marang, Terengganu memandangkan projek ini sudah begitu lama dirancangkan.

Sekiranya pihak Kementerian tidak dapat melaksanakannya dengan secara sekali **gus**, dicadangkan dibuat secara peringkat demi peringkat, kerana Kerajaan Negeri telahpun berbuat apa sahaja untuk menjayakan projek tersebut dan di samping itu sambutan daripada

belia dan beliawanis di Pantai Timur khususnya Terengganu sendiri untuk mengikuti kursus tersebut amat menggalakkan, dan projek yang seumpama ini adalah amat baik bagi memberi peluang kepada para belia dan beliawanis untuk menjauhkan mereka daripada menghabiskan masa remaja dengan sia-sia, dan juga untuk mengelakkan mereka daripada terjerumus ke dalam bahaya najis dadah yang terkutuk yang boleh merosakkan masa depan mereka, masyarakat, bangsa, agama dan negara yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Maksud B.26 pula, iaitu Kementerian Pendidikan.

Dalam soalan Jawab Mulut saya tadi, iaitu soalan yang ke-8 berkenaan dengan Jabatan Penuntut Luar Negeri di mana Timbalan Menteri yang berkenaan telah menjawab kepada kita, iaitu Jabatan ini adalah menguntungkan negara dan telah mencapai matlamatnya. Tetapi tahukah Tuan Yang di-Pertua, kita pernah terbaca di akhbar-akhbar yang ditulis oleh setengah-setengah penuntut luar yang datang dari Luar negeri ataupun sungutan daripada penuntut-penuntut yang balik daripada luar negeri, yang mana kebanyakan mereka itu mendakwa bahawa mereka tidak mendapat kemudahan ataupun layanan yang sewajarnya dari Jabatan Penuntut Malaysia di negara yang mereka belajar, yang mana mereka mendakwa bahawa pegawai-pegawai itu tidak menghiraukan mereka, mungkin rasanya kalau pegawai-pegawai itu berjumpa dengan pelajar-pelajar, mereka akan memberi masalah-masalah itu kepada pegawai-pegawai ini dan tidak hairanlah kalau ada di antara anak-anak kita yang tidak pernah berurusan langsung dengan Jabatan Penuntut. Walaupun apa yang telah dijawab oleh Timbalan Menteri Pendidikan tadi bahawa Kerajaan tidak bermaksud untuk memansuhkan Jabatan ini dan cadangan akan menyusun kembali, saya mengucapkan syabas kepada pihak Kementerian Pendidikan, tetapi perlu

diingatkan juga oleh kerana Jabatan Penuntut Luar Negeri ini memakan belanja yang begitu banyak, iaitulah sebanyak \$21.2 juta setahun untuk 10 buah Jabatan Penuntut dan ini adalah sebagai satu peruntukan yang banyak.

Sebagaimana apa yang difahamkan kepada saya setengah-setengah Jabatan Penuntut yang ada, rasanya tidaklah begitu penting seumpama Jabatan Penuntut di India dan di Indonesia kerana jumlah penuntut-penuntut kita amat sedikit sedangkan perbelanjaan untuk satu-satu Jabatan Penuntut itu paling kurang ratusan ribu juga dalam setahun, dan ini rasanya adalah satu pembaziran. Oleh kerana polisi Kerajaan kita sekarang tidak menggalakkan pelajar-pelajar keluar negeri kecuali kursus-kursus yang tidak ada di dalam negeri, oleh itu saya kira amatlah wajar sebagaimana yang dicadangkan iaitulah supaya pengawasan ini diserahkan sahaja kepada Suruhanjaya-suruhanjaya kita ataupun Kedutaan kita yang berada di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan rancangan Kerajaan mengadakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) 5 tahun yang lepas dan KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) yang bertujuan untuk membolehkan pelajar-pelajar ataupun murid-murid memahami pelajaran dengan senang dan mudah dan pencapaiannya adalah bagus dan menyenangkan, sebagaimana yang kita dapati di akhbar-akhbar dan media massa, tetapi di dalam kita memikirkan soal murid-murid pada pandangan saya pihak Kementerian Pendidikan juga perlu memikirkan kepada tenaga pengajar.

Misalnya KBSR, beban tugas guru-guru yang berlipat ganda dan kebanyakan mereka itu mengeluh dan segelintirnya pula memohon bersara dari jawatan akibat tidak tertahan dengan kerja-kerja rumah yang begitu banyak yang perlu disiapkan di setiap malam. Tetapi walau bagaimanapun kebanyakan daripada mereka itu sabar dan berdedikasi dengan memberi kerjasama dengan Kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasarnya. Apa yang perlu disebutkan ialah sejauh manakah perhatian Kerajaan terhadap peluang naik pangkat kepada guru-guru di negara kita sekarang.

Walaupun baru-baru ini kita dengar ramai di antara guru-guru celah diberi peluang untuk naik pangkat tetapi jika dibandingkan dengan jumlah mereka yang sedang berkhidmat dalam jawatan yang ada sangatlah kurang. Contohnya pegawai pendidikan pelajaran kategori D1 jumlah pegawai Tingkatan Biasa seluruh Malaysia bagi tahun 1987 ialah sebanyak 18,148 jawatan. Peluang kenaikan pangkat bagi Tingkatan Kanan ialah 2,082 jawatan iaitu lebih kurang 11% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang lebih malang ialah bagi pegawai perkhidmatan pelajaran kategori C2 Tingkatan Biasa yang mana berjumlah 100,802 jawatan sedangkan peluang kenaikan pangkat Tingkatan Biasa 'A' ialah 9,000 jawatan, Tingkatan Khas 5,348 jawatan, Tingkatan Tertinggi 1,709 jawatan iaitu cuma 15.9% sahaja. Oleh kerana peluang kenaikan pangkat bagi pegawai perkhidmatan pelajaran ini amat sedikit dan ini bukanlah bermakna mereka itu tidak cekap kerana setengah daripada mereka sudah pun bertugas 15 tahun lebih tetapi malang bagi mereka, mereka tidak diberi peluang,

apalah salah kiranya pihak Kerajaan membuka peluang yang lebih luas lagi dengan memperbanyakkan peluang-peluang naik pangkat sebagai mengenang jasa-jasa dan khidmat mereka kepada negara dan dicadangkan peluang ini bukannya dengan berdasarkan wujudnya jawatan kosong. Kalaupun boleh disyorkan peluang kenaikan pangkat ini berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan seperti marta yang dilakukan kepada Pensyarah-pensyarah Universiti iaitu selepas beberapa tahun mereka berkhidmat, mereka dinaikkan pangkat ke jawatan kanan dengan tidak payah Kerajaan mewujudkan jawatan baru.

Tuati Yang di-Pertua, pengesyoran saya ini ialah kepada mereka yang berkhidmat dengan cekap bersih, amanah dan jujur, tidak termasuk kepada mereka yang ada kes-kes yang tertentu ataupun tindakan tata-tertib dan sebagainya. Dengan cara ini saya yakin dengan adanya polisi yang begini prestasi perkhidmatan guru-guru akan lebih meningkat lagi dan yang mendapat untung ialah pelajar-pelajar yang akan menjadi manusia yang terdidik dengan rapi dan penuh dedikasi yang mana akan melahirkan pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara yang benar-benar bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang kita maklum bahawa Kementerian Pendidikan ini adalah sebuah Kementerian yang selalu bertukar Menterinya dan pentadbiran juga sudah tentulah selalu dipindah dan diubah-ubah. Oleh itu banyak urusaa-urusan pentadbiran tidak dapat dikendalikan dengan begitu baik seperti kenaikan pangkat yang telah saya sebutkan sebentar tadi, rekod-rekod yang tidak teratur dan lain-lain kelemahan. Ini bermula dari peringkat

sekolah, jabatan seterusnya ke peringkat Kementerian. Umpamanya pengurusan kewangan, pengurusan buku-buku teks, pegawai-pegawai tidak membuat laporan prestasi guru-guru dan salah satu punca yang menyebabkan berlaku kelemahan-kelemahan ini di peringkat jabatan misalnya pegawai-pegawai yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran jabatan ialah pegawai perkhidmatan pelajaran bukaa daripada pegawai-pegawai yang sebenar-benar dilatih di dalam bidang pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya Kerajaan melatih mereka supaya menjadi seorang pendidik yang mahir tetapi mereka menjalankan tugas sebagai seorang pegawai pentadbir sebagaimana yang berlaku di Pejabat-pejabat Pendidikan Negeri di seluruh negara sekarang ini, sedangkan Kerajaan juga melatih Pegawai PTA dan Pegawai PTD sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom dahulu yang mana berkehendakkan supaya pihak Kerajaan menyatukan kedua-dua pegawai ini menjadi pegawai PTM.

Jadi dengan menghantar pegawai-pegawai ini ke tempat-tempat latihan seperti INTAN dan lain-lain pusat latihan untuk menjadikan mereka seorang pegawai yang mahir di dalam bidang pentadbiran. Oleh itu dengan cara ini pada pandangan saya Kementerian Pendidikan rugi di dalam dua bidang:-

(i) Pegawai-pegawai perkhidmatan pelajaran

yang ditarik ke jabatan ialah pegawai yang tinggi prestasinya, dengan cara ini murid rugi dari mendapat bimbingan dari guru yang mahir dan berpengalaman itu.

- (ii) Pegawai perkhidmatan pelajaran itu ditempatkan di jabatan. Maka sudah tentulah ianya kurang latihan yang sempurna dari segi pentadbiran kerana lanya tidak pernah dilatih untuk menjadi pentadbir.

Ini bererti bukannya pentadbir yang cekap, apabila berlaku demikian, urusan pentadbiran akan menjadi huru hara sebagaimana Sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang berbunyi:-

"Idza-wusidal amru min-ghairi ahlihi fantazirus-sa'ah", yang bermaksud, apabila diletakkan sesuatu perkara itu bukan pada tempatnya maita tunggulah saat kehancurannya akan tiba. Jadi, kita tidak ingin perkara itu akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya Kementerian Pendidikan membuat kajian yang terperinci dan hendaklah diserahkan tugas-tugas pentadbiran ini kepada pegawai-pegawai tadbir yang telah dilatih demikian jugalah diharapkan di peringkat Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Maksud 8.19 iaitu Kementerian Pertanian. Menyentuh dengan masalah nelayan yang mana banyak ikan-ikan di perairan dalam Malaysia telah dicuri oleh nelayan-nelayan asing setiap tahun sebagaimana jawapan yang telah diberikan kepada saya iaitu pada 3hb Disember yang lepas sebanyak 100,000 metrik setiap tahun ikan-ikan itu dicuri dan untuk mengatasinya Kerajaan telah mengadakan projek kerjasama untuk menangkap ikan di laut dalam.

Pada pandangan saya Kementerian sepatutnya tidak mengharapkan kepada projek kerjasama sahaja, seelok-eloknya sekolah latihan nelayan untuk melatih nelayan-nelayan muda atau anak-anak nelayan menangkap ikan dengan menggunakan alat-alat moden di kawasan laut dalam ditubuhkan segera. Selain dari itu Kerajaan juga patut memberi subsidi kepada nelayan-nelayan tempatan untuk membeli alat-alat kelengkapan bagi membolehkan mereka menangkap ikan di laut dalam.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan memindahkan nelayan-nelayan ke kawasan pertanian, saya rasa kurang praktikal kerana negara kita masih kekurangan ikan, Kita import kira-kira 238,989 tan matrik yang bernilai kira-kira \$328.2 juta menurut apa yang telah diberi jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian di dalam Pertanyaan Mulut saya pada 22hb Disember lepas. Jadi, kenapa pula kita kurangkan nelayan dan jadikan mereka petani, sepatutnya orang yang telah ada kemahiran di laut ini kita kekalkan dan berikan kemudahan atau latihan untuk menjadi nelayan moden yang boleh menangkap ikan di laut dalam.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ramai lagi rakan-rakan yang akan memberi pandangan di dalam perbahasan Belanjawan kita bagi tahun 1988 ini, hanya demikianlah pandangan dari saya dalam perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi sebagai menyampaikan pandangan dan sungutan dari rakyat jelata yang inginkan kebaikan dan kemajuan.

Dan dengan ini, saya pohon menyokong Belanjawan 1988 ini diluluskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Wong Kie Yik.

5.12 ptg.

Tuan Wong Kie Yik: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk membahaskan Belanjawan 1988.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan besar terhadap pembangunan luar bandar seperti mana ditetapkan dalam Belanjawan adalah satu langkah yang wajar serta tepat pada masanya. Langkah **ini** adalah sejajar dengan matlamat serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru di mana salah satu daripadanya adalah untuk membasmi kemiskinan

tanpa mengira kaum.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya ingin menyuarakan dan memberi ingatan bahawa kadar kemiskinan di Sarawak masih tinggi dan tidak banyak berubah sejak tahun 1984 yang berada pada kadar 31.9%. Ini bererti kira-kira 400,000 rakyat Sarawak masih hidup dalam kemiskinan. Keadaan ini amatlah ketara di luar bandar- di mana penduduk-penduduk terdiri dari kumpulan petani dan nelayan. Maka peruntukan besar untuk pembangunan luar bandar adalah tepat pada kehendak rakyat sekarang. Di sini saya ingin mengesyorkan juga supaya Menteri-menteri Persekutuan datanglah juga meninjau di luar bandar, jangan hanya singgah di Kuching sahaja supaya dapat difahamkan keadaan yang sebenarnya. Saya harap tidak ada yang tersinggung dengan saranan ini, kerana rakyat kami di luar bahdar selaiu ketinggalan hingga lawatan Menteri pun ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan usaha meninggikan tahap ekonomi, saya ingin mengesyorkan juga supaya FELDA dan FELCRA yang kini sudah bertapak di Sarawak terus meningkatkan kegiatan mereka dan membuka ladang-ladang baru. Usaha ini ada baiknya jika difokus kepada tanah-tanah terbiar dari kesan pembalakan dan pertanian pindah.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa jika kedua-dua agensi Kerajaan dapat dikembarkan di Sarawak masalah perhubungan dan pengangkutan hasil cukai dapat dimudahkan. Ini adalah sejajar dengan pemodenan sistem jalanraya yang kini sedang diperbaiki di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya dengan tulus ikhlasnya menggesa agar pelaksanaan projek-projek ini dapat dipercepatkan lagi untuk meningkatkan taraf jalanraya-jalanraya di negeri Sarawak. Sejajar dengan ini juga kami di negeri Sarawak berbangga dengan

penganugerahan tokoh Pembinaan Jalanraya Sedunia kepada Menteri, Yang Berhormat Menteri Kerjaraya kita, syabas dan tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan juga saya menyentuh tentang pengambilan pegawai-pegawai Kerajaan yang bertugas di luar negeri. Saya diberitahu bahawa kini bilangan pegawai terdiri dari negeri Sarawak sudah berkurangan, ini disebabkan ada di antara mereka terpaksa dipanggil untuk berkhidmat di Sarawak. Saya harap Kerajaan akan berusaha mendapatkan pegawai dari Sarawak untuk mengisi kekosongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan agar ramai lagi kakitangan-kakitangan Kerajaan dari Sarawak berkhidmat di Semenanjung Malaysia untuk mengeratkan lagi perhubungan rakyat kita demi mempercepatkan proses integrasi nasional. Saya difahamkan bilangan mereka dari Sarawak adalah kecil jikalau dibandingkan dengan mereka yang datang dari Semenanjung.

Akhir sekali, saya ingin menyatakan bahawa langkah tegas yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita patutlah dipuji, Selaku ketua pemimpin negara beliau berhak untuk mengambil sebarang langkah demi membaiki keadaan dan suasana yang keruh serta tegang untuk menjamin keselamatan rakyat dan ketenteraman negara khususnya. Keadaan yang tegang akan merugikan semua pihak dan juga langkah ke arah pemulihan ekonomi negara turut terbantut. Justeru itu, suasana harmoni dan kerjasama di kalangan rakyat berbilang kaum di negara kita amatlah penting untuk kepentingan bersama di samping mewujudkan ke arah untuk meningkatkan kedudukan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sikap hormat-menghormati antara satu sama lain adalah warisan tradisi datuk-nenek-moyang kita yang patut kita kekalkan. Lantaran itu, selaku rakyat yang berpegang teguh kepada amalan tradisi tersebut, kita seharusnya menyemaikan semangat kekitaan untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara contoh dan disegani ramai. Kita perlu sedar bahawa kemantapan atau keutuhan ekonomi negara kita adalah bergantung penuh kepada kestabilan politik, kedua-duanya amat berkait rapat.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Belanjawan 1988 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam.

5.20 ptg.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut sama dengan rakan-rakan lain untuk membahas Belanjawan Rang Undang-undang bagi tahun 1988 yang mana telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 3hb Disember kelmar-in.

Saya berpendapat Belanjawan bagi tahun ini adalah merupakan satu Belanjawan yang *realistik* dan sederhana dan sesuai dengan keadaan ekonomi negara-negara pada masa ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang berjaya membentangkan satu Belanjawan yang merupakan tidak begitu membebankan rakyat. Dengan keadaan ekonomi yang agak mencabar sekarang, Kerajaan memanglah seharusnya bersikap sederhana dalam semua aspek dan hendaklah mengambilkira keampunan kita serta faktor-faktor yang melibatkan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, di mana saya amat tertarik dengan struktur Belanjawan pada tahun 1988 yang mana dianggarkan berjumlah \$28,100 juta telah diperuntukkan bagi mengukuhkan proses pemulihan ekonomi negara serta bertujuan untuk meningkatkan kecekapan industri-industri dan juga untuk memperbaiki kewangan di sektor awam. Hasil negara pada tahun depan adalah dianggarkan berjumlah \$20,834 juta, walaupun ini adalah kurang daripada perbelanjaan yang dicadangkan. Namun begitu, jumlah itu adalah merupakan jumlah yang *realistik* berdasarkan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menambahkan hasil, khasnya di bidang petroleum dan juga penjualan saham MAS, juga MISC kepada Bank Negara.

Mengenakan semula cukai jualan terhadap barang-barang makanan dan barang-barang tertentu seperti simen dan bahan-bahan binaan lain memang wajar dan harus diterima oleh rakyat. Ini bukan sahaja akan mengurangkan import, tetapi juga akan meningkatkai lagi hasil negara. Walaupun saya kawatir kesan sampingan daripada cukai jualan terhadap bahan binaan seperti simen, besi dan lain-lain akan melemahkan lagi industri perumahan di seluruh negara. Ini sedikit sebanyak akan menjejaskan usaha Kerajaan untuk membina rumah-rumah kos rendah. Harga rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta juga sudah pasti akan meningkat ke satu paras di luar kemampuan para pembeli nanti.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga Kerajaan patut mengkaji semula cadangan mengenakan cukai jualan sebanyak 5% ke atas buah-buahan tempatan. Cadangan itu adalah tidak begitu sesuai dan didapati bertentangan dengan dalam keadaan di mana Kerajaan pesat untuk membangunkan industri buah-buahan tempatan. Ianya boleh menjejaskan usaha-usaha pihak Kerajaan sendiri dan pihak swasta untuk menerokai pasaran buah-buahan tropika di antarabangsa. Pengenaan cukai jualan ke atas buah-buahan tropika tempatan ini juga boleh membebankan golongan berpendapatan rendah yang kebanyakannya makan buah-buahan tempatan. Dengan demikian, saya mencadangkan supaya cadangan Kerajaan mengenakan semula cukai jualan sebanyak 5% ke atas buah-buahan tropika tempatan itu supaya dapat dipertimbangkan semula tidak dikenakan cukai.

Di samping itu juga, cadangan Kerajaan mengenakan semula cukai jualan sebanyak 10% ke atas barang-barang kelengkapan perubatan yang digunakan di hospital-hospital dan klinik. Barang-barang tersebut tidak boleh dianggap barang mewah, di sebaliknya ia adalah satu

keperluan yang amat mustahak. Jika cadangan ini dikuatkuasakan, kos mendapat rawatan perubatan, terutamanya di pusat-pusat perubatan swasta sudah tentu akan bertambah dan ini boleh membebankan rakyat kelas bawahan dan golongan yang kurang mampu.

Tuan Yang -di-Pertua, salah satu punca hasil pendapatan negara ialah pelaburan, baik daripada pelaburan asing atau pelaburan tempatan. Kerajaan telah dan sedang melipatgandakan usaha untuk menarik pelabur ke Malaysia. Walaupun pertumbuhan pelaburan agak lembab dan tidak secepat yang kita harapkan, namun pelaburan di Malaysia telahpun mula menunjukkan kesan positif. Ini adalah disebabkan oleh kedudukan ekonomi kita yang stabil.

Cadangan Kerajaan untuk menhgapuskan cukai keuntungau berlebihan terhadap syarikat-syarikat yang memperolehi pendapatan dikenakan cukai melebihi \$2 juta adalah amat menggalakkan. Ini bukan sahaja boleh menggalakkan pertumbuhan pelaburan, tetapi juga akan memberi faedah yang besar kepada syarikat-syarikat yang ada di Malaysia walaupun secara kasar negara kita akan mengalami kerugian sebanyak \$140 juta pada masa hadapan, iaitu tahun 1988, tetapi adalah diharapkan lebih ramai pelabur-pelabur baru akan melabur dan pelaburan semula oleh syarikat-syarikat yang ada di Malaysia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang cadangan Kerajaan untuk mengadakan skim bayaran ansuran cukai pendapatan bagi syarikat-syarikat dan peniaga-peniaga adalah dialu-alukan, kerana ini akan dapat memudahkan lagi syarikat dan peniaga yang terlibat membayar cukai mereka secara ansuran dengan tidak membebankan mereka dan ini juga akan memberi peluang kepada syarikat dan peniaga yaag berkenaan merancang serta mcagurus hal ehwal kewangan mereka dengan rapi dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Kerajaan untuk mengurangkan tangga gaji permulaan kepada kakitangan Kerajaan yang baru diambil demi untuk mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan adalah disambut baik. Sepertimana kita semua sedia maklum, kadar pengangguran di Malaysia sekarang adalah tinggi jika dibandingkan pada tahun-tahun lalu, iaitu pada tiap-tiap tahun berpuluh-puluh ribu lepasan sekolah, termasuk graduan-graduan yang mana telah memasuki pasaran buruh. Oleh yang demikian, adalah mustahil bagi Kerajaan untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka. Pihak swasta juga tidak mampu berbuat demikian disebabkan tekanan ekonomi pada masa ini amat ketara. Oleh yang demikian, skim mengurangkan gaji pada permulaan ini adalah salah satu cara yang berkesan untuk mengatasi masalah pengangguran. Saya percaya ramai yang bersedia untuk bekerja dengan gaji yang rendah daripada tidak mempunyai apa-apa pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan cadangan Kerajaan bagi menaikkan kadar pinjaman daripada \$2,000 kepada \$3,000 untuk peniaga-peniaga kecil. Ini sememangnya satu usaha yang baik yang sepatutnya diterima oleh mereka yang ingin memulakan perniagaan secara kecil-kecilan, khasnya bagi belia-belia yang menganggur. Saya mencadangkan supaya tunjuk ajar serta nasihat, termasuk bimbingan tentang berniaga haruslah diberikan kepada pemohon-pemohon pinjaman itu, khasnya dalam soal menyimpan kira-kira supaya mereka akan lebih mengetahui selok-belok hal berniaga dan peng. iwasan yang rapi haruslah dikenakan juga supaya mereka tidak akan terkeluar dari tujuan asal mereka dalam hal ehwal perniagaan. Ini perlu untuk memastikan mereka berjaya dalam perniagaan mereka dan seterusnya mampu membayar balik hutang mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin juga menyentuh mengenai rancangan pemulihan ekonomi negara, sepertimana yang dihuraikan di dalam Belanjawan 1988. Mengikut anggaran pelaburan swasta dijangka meningkat sebanyak 2.1% dalam tahun 1988. Saya ingin bertanya kepada Kementerian yang berkaitan berhubung dengan perkara-perkara yang berikut.

- (i) sektor industri manakah yang dijangka mengalami pertumbuhan yang paling pesat?
- (ii) negara asing manakah yang dijangka merupakan pelabur asing yang paling tinggi dalam sektor berkenaan?
- (iii) berapa banyakkah peluang pekerjaan yang dijangka akan dapat diwujudkan akibat daripada pertumbuhan pelaburan swasta pada kadar 2.1% dalam 1988?
- (iv) berapa banyakkah jumlah eksport atau pertukaran asing sama ada dari segi barang siap, separuh siap atau perkhidmatan yang akan diperolehi oleh negara ini akibat dari pertumbuhan pelaburan swasta sebanyak 2.1% dalam 1988?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik terhadap cadangan Kerajaan untuk menswastakan atau menutup beberapa anak syarikat Kerajaan yang terus mengalami kerugian dan yang tidak berdaya maju. Rancangan ini sebenarnya disokong oleh semua pihak terutamanya dalam usaha mengurangkan beban kewangan yang mana ditanggung oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping langkah-langkah yang dicadangkan sepertimana yang dibentangkan dalam Ucapan Belanjawan 1988 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya juga mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji kaedah-kaedah perlantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah anak-anak syarikat anak Kerajaan supaya mereka yang betul-betul berkeupayaan sahaja dilantik mentadbir anak-anak syarikat Kerajaan, Ini ada kemungkinan anak-anak

syarikat Kerajaan yang mana terdapat mengalami kerugian dan yang tidak berdaya maju disebabkan oleh perlantikan Lembaga Pengarah yang tidak mempunyai keupayaan untuk meneruskan perniagaan telah dilantik sebagai Pengarah, Pengerusi syarikat-syarikat tersebut. Ini sama ada terdapat di kalangan anak-anak syarikat agensi pembangunan wilayah dan perbadanan ekonomi negeri. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan supaya agensi-agensi pusat dan Kementertan-kementerian yang berkaitan mengawasi sepenuhnya anak-anak syarikat Kerajaan ini. agar syarikat-syarikat tersebut tidak digunakan untuk kepentingan suatu pihak serta mendapat keuntungan sebagaimana yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian Pendidikan, di sini saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang telah sudi bekerjasama membaikkan diri terutamanya kepada Kementerian Pendidikan iaitu Ketua Pengarah dan pegawai-pegawainya kerana bekerjasama dalam menjayakan program kursus perguruan asas dalam masa cuti atau TDC bagi melatih tenaga pengajar pegawai-pegawai dari Jabatan Orang Asli iaitu Pembantu Luar dan Pegawai Luar seramai lebih kurang 167 orang peserta.

Sebagai guru pelatih, pada masa **ini** telah pun bermula pada 16hb November, hingga 31hb Disember, 1987 di Maktab Perguruan Teknik, Jalan Cheras, Kuala Lumpur. Terima kasih juga kepada pihak Perbendaharaan kerana telah sudi mengadakan peruntukan tambahan bagi menjayakan projek melatih guru-guru Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bagi masa ini. Begitu juga terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kerana telah memberikan sokongan yang kuat untuk menjayakan projek ini. Dan terima kasih juga kepada pihak Jabatan Orang Asli iaitu kepada Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai lain yang terlibat bagi menjayakan projek latihan guru-gurunya. Dengan

pelaksanaan projek bagi melatih tenaga pengajar pegawai-pegawai dan Pembantu Luar, Jabatan Orang Asli ini, saya rasa masih belum lengkap lagi iaitu sekiranya sekolah-sekolah dan kedudukan murid-murid di sekolah-sekolah Jabatan Orang Asli tidak ditingkatkan sekali. Tni disebabkan oleh hal ehwal seperti berikut yang mana pada masa ini murid-murid di sekolah-sekolah Jabatan Orang Asli cuma belajar dari darjah satu hingga darjah 3 sahaja. Sukalah saya mengharapkan sekiranya dapat pihak Kementerian Pendidikan mengambil alih pentadbiran sekolah-sekolah Jabatan Orang Asli mengikut keadaan yang sesuai secara berperingkat-peringkat serta dengan tenaga pengajarnya sekali iaitu yang terdiri dari Pegawai Luar dan Pembantu Luar terus diserapkan sebagai kakitangan atau guru-guru yang bertauliah di Kementerian Pendidikan,

Juga dapat kiranya ditambahkan bilangan guru-guru tenaga pengajar di sekolah-sekolah Jabatan Orang Asli daripada seorang, dari satu-satu post atau tempat kepada mengikut bilangan kelas iaitu sekurang-kurangnya tiap-tiap satu kelas satu guru dan darjah pula dinaikkan daripada darjah satu hingga ke darjah enam. Dengan terlaksananya rancangan ini, saya rasa masalah keciciran peringkat awal di kalangan anak-anak Orang Asli akan dapat dikurangkan. Di samping itu, sudah sampai masanya masyarakat Orang Asli mendapat taraf pelajaran yang sama dengan apa yang orang lain dapat. Diharapkan juga dengan terlaksananya rancangan ini, bilangan penuntut Orang Asli di pusat pengajian tinggi di negara ini akan bertambah dari tahun ke tahun kerana mereka inilah yang akan merupakan generasi baru yang akan merubah nasib masyarakat Orang Asli sendirinya. Dengan ini juga, barulah masyarakat Orang Asli ini dapat menilai pembaharuan dan erti kemerdekaan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya meminta izin di Dewan yang mulia ini. dan Ahli Yang Berhormat kerana dalam perbahasan saya selanjutnya akan banyak menyentuh masalah masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia ini dengan Kementerian-kementerian tertentu. Tidak lupa saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan khususnya Kementerian Kewangan dan lain-lain Menteri Kabinet berhubung dengan pemberdan peruntukan bagi 1988 di bawah Kementerian Dalam Negeri. Bagi peruntukan pengurusan sebanyak \$24,997,000 dan bagi peruntukan pembangunan pula sebanyak \$13,340,000. Dengan peruntukan sebanyak itu semoga akan dapat dilaksanakan pembangunan sosio ekonomi untuk masyarakat Orang Asli pada amnya akan dapat dipertingkatkan mengikut kemampuan jabatan.

Walaupun peruntukan pembangunan sebanyak \$13,340,000, saya rasa pihak Jabatan tidak akan dapat memberi pembangunan ekonomi sepenuhnya kepada masyarakat Orang Asli, Ini termasuklah peruntukan Rancangan Malaysia Kelima yang mana peruntukan pada mulanya diberi sebanyak \$90 juta. Tetapi akhirnya potong demi potong tinggalkan \$40 juta dalam jangka masa lima tahun dan dibandingkan dengan bilangan penduduk Orang Asli sekarang lebih kurang 70,000 orang yang saya anggap pada masyarakat Orang Asli ini masih banyak lagi berkehendakkan bantuan pembangunan sosio-ekonomi dan termasuklah juga segala kemudahan asas seperti kemudahan jalan, bekalan air, api elektrik dan lain-lain lagi. Ini terutama sekali mereka yang tinggal di pedalaman. Oleh itu, saya merayu kepada pihak Kerajaan iaitu jika ada apa-apa permohonan peruntukan tambahan dari Jabatan bagi keperluan pembangunan masyarakat Orang Asli diharapkan Kerajaan akan dapat memberi pertimbangan sewajarnya walaupun saya faham ekonomi negara masih dalam keadaan meleset sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangi bagi menyentuh rayuan mencepatkan proses kerja-kerja menggezetkan atauewartakan tanah-tanah yang mana dipohon oleh Jabatan untuk masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Perkara ini saya harap akan dapat perhatian dari Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan juga Kementerian Dalam Negeri. Saya difahamkan bahawa disetengah-setengah negeri ada tanah-tanah kawasan rezab Orang Asli yang dipohon sejak 1956 iaitu sebelum merdeka sehingga sekarang, masih belum dapat perhatian untuk diwartakan sebagai hak kawasan mereka yang terjamin, Di atas perkara ini, saya dan masyarakat Orang Asli ingin tahu keadaan sebenarnya mengapa berlaku kelewatan dalam proses ke arahewartakan tanah kawasan Orang Asli ini. Bahkan di setengah-setengah tempat perkampungan Orang Asli, mereka telah menduduki dan mengusahakan tanah-tanah tersebut sejak dari datuk nenek moyang mereka. Apa yang dikhuatiri ialah pegangan tanah pesaka ini secara warisan telah tidak diperhati oleh umum.

Ada terdapat di setengah-setengah projek pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri atau pihak agensi Kerajaan dan swasta di kawasan berhampiran dengan Orang Asli, ada terdapat yang menimbulkan masalah sosio-ekonomi Orang Asli dan suasana begini telah menimbulkan rasa gelisah dan rasa resah terhadap masa depan penghidupan persekitaran kawasan mereka. Mereka sedar bahawa ruang tanah tempat tinggal masing-masing sempit dikelilingi oleh pembangunan tanah yang pesat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pembangunan tanah untuk meningkatkan taraf hidup Orang Asli melalui berbagai kerumitan. Pihak Lembaga Kemajuan Tanah seperti FELCRA dan RISDA tidak dapat melaksanakan projek pembangunan tanah seperti projek kecil tanam semula iaitu kepada mana-mana tanah Orang Asli yang belum diwartakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kerajaan Wilayah dan Kementerian Dalam Negeri, biasanya perkara ini saya tujukan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri iaitu saya merayu dan berharap supaya satu tindakan yang positif dan segera ke arah proses mewartakan tanah-tanah rizab Orang Asli oleh pihak berkuasa Pejabat-pejabat Tanah Daerah, Pegawai Tanah dan Galian (PTG) serta kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau EXCO Tanah adalah diharapkan perlu berusaha ke arah menjamin segala program yang telah dijadualkan dalam Rancangan Malaysia Kelima akan dapat dilaksanakan. Ini termasuklah program mewartakan tanah rizab kawasan Orang Asli di negeri-negeri berkenaan. Kegagalan pelaksanaan program ini secara langsung akan menjejaskan matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan khususnya di kalangan masyarakat Orang Asli yang selama ini jauh lebih miskin di negara ini, lebih-lebih lagi yang jauh tinggal di pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga dalam usaha mencapai Dasar Ekonomi Baru, saya juga berharap kepada agensi pembangunan tanah yang lain seperti FELDA, RISDA, DARA, FELCRA dan lain-lain lagi supaya meningkatkan lagi penglibatan masyarakat Orang Asli di dalam projek pembangunan mereka di samping Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Dan juga saya cadangkan, kalau boleh, kepada agensi-agensi pembangunan tanah seperti FELDA, RISDA, FELCRA serta agensi pembangunan wilayah seperti DARA, KEJORA, JENGKA, KESEDAR dan KETENGAH hendaklah disediakan peruntukan khas bagi melaksanakan program yang boleh meningkatkan taraf sosial ekonomi masyarakat Orang Asli di kawasan berkenaan atau terlibat ataupun oleh mana-mana agensi pembangunan tanah yang terlibat sama ada agensi-agensi Kerajaan atau pihak swasta sekali yang membuat pembangunan tanah ladang, yang melibatkan tanah kawasan masyarakat Orang Asli di satu-satu tempat itu hendaklah melibatkan Orang Asli tempatan jadi peserta walaupun andainya dikenakan bayaran di atas kos pelaksanaannya pada pembangunan itu. Nanti bolehlah dikenakan bayaran balik kos itu setelah dapat hasilnya sebagaimana sistem FELDA pada pesertanya. Dan kita tidak mahu lagi berlaku, jika boleh, pada yang telah sudah-sudah iaitu apabila tanah itu diperlukan untuk dibangunkan, penduduk tempatan ini yang telah mengusahakan berpuluh tahun tanah itu dengan senangnya dipindahkan tempat lain pula untuk tapak berhijrah penghidupan baru ke tempat lain kepada mereka.

Contohnya yang sedang berlaku ialah yang mendiami kawasan agensi pembangunan wilayah Pahang Tenggara yang mana kumpulan masyarakat ini seolah-olah telab tersepit di celah-celah pembangunan tanpa diintegrasikan dalam proses pembangunan. Saya harap masyarakat Orang Asli tidak boleh dibiarkan sebagai penonton sahaja

kepada projek pembangunan dan hanya layak tinggal di kawasan-kawasan rizab atau land reservation, dengan izin, yang kebanyakannya menduduki tanah-tanah belum diwartakan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan objektif Dasar Ekonomi Baru iaitu untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, saya amat mengalu-alukan peruntukan yang lebih kepada projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar iaitu di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di mana kemiskinan adalah ketara di luar bandar. Peruntukan tersebut hendaklah sebaik-baiknya digunakan untuk membasmi kemiskinan terutamanya di kalangan masyarakat luar bandar yang sangat-sangat memerlukan perhatian dan bantuan Kerajaan. Ini termasuklah masyarakat Orang Asli.

Masyarakat Orang Asli rata-ratanya ini adalah jauh lebih ketinggalan dari segi taraf sosip-ekonomi mereka jika dibandingkan dengan masyarakat lain di negara ini. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Kementerian berkenaan mengadakan peruntukan ini, jika boleh, terus diagihkan kepada kampung-kampung masyarakat Orang Asli yang sangat memerlukan di kawasan luar bandar dengan kadar yang berpatutan bagi mengadakan projek-projek yang boleh memperbaiki taraf sosio-ekonomi mereka di samping Jabatan Orang Asli yang sedia ada.

Peruntukan tersebut seperti kemudahan asas, projek jalan, bekalan air-dan api elektrik dan rancangan-rancangan pembukaan tanah baru yang lebih produktif melalui agensi pembangunan tanah seperti FELCRA. Sebab bila saya melawat dan meninjau beberapa perkampungan Orang Asli didapati masih banyak lagi yang belum menerima atau menikmati kemudahan asas seperti yang disebutkan itu walaupun jaraknya tidak jauh dari kawasan yang telah menikmati bekalan tersebut.

Juga saya berharap Kementerian berkenaan supaya dapat ambil perhatian untuk memperbaiki mutu hasil kraftangan keluaran Oang Asli di negara ini di samping membantu dan memberi peruntukan mereka menubuhkan perusahaan-perusahaan industri kecil di kampung-kampung dengan lebih teratur.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik dengan peruntukan yang sebahagian besar bagi pertahanan, keselamatan dalam negeri adalah bagi menyediakan keperluan perumahan untuk anggota Polis dan Tentera. Peruntukan yang besar untuk penyediaan perumahan bagi anggota Polis dan Tentera amatlah wajar demi menjaga kebajikan mereka. Walau bagaimanapun, saya harapkan peruntukan yang sebesar itu untuk perumahan anggota Polis dan Tentera bagi Kementerian Dalam Negeri pula akan dapat meliputi peruntukan itu bagi menyediakan perumahan yang sebaik-baiknya kepada Pasukan Polis Hutan Senoi Praaq terutama yang bertugas di Kem Keroh dan di kem-kem pendalaman di Hulu Perak dan Kelantan, kerana saya difahamkan ramai anggota-anggota Senoi Praaq ini yang tidak dapat membawa keluarga mereka bertugas di sempadan kerana mereka terpaksa menyewa rumah di luar kem dengan sewa yang mahal dan ruang yang sempit serta keadaan keselamatan tidak terjamin kerana mereka keluar berbulan beroperasi di hutan pendalaman.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu saya menyentuh berkenaan Kementerian Luar Negeri.

Saya bangga sikap Kerajaan terhadap kedudukan di Fiji kerana menyedari tindakan Rabuka adalah membendung penjajahan berbentuk baru yang mana pendatang asing merampas kuasa politik peribumi di Fiji. Sikap Kerajaan kita jelas menentang cabaran penjajah-penjajah dan ini sejajarlah dengan apa yang diambil oleh sebuah negeri iaitu India yang menghantar askar-askarnya di Sri Lanka, kerana untuk hendak mengelakkan orang yang berada di negeri Sri Lanka yang menjadi pemberontak itu tidak mahu jadi sebagai pemberontak.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ucapan saya di Dewan yang mulia ini dan akhir sekali saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1988 yang berjumlah \$13,085,603,070. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan K. Krishnan.

5.50 ptg.

Tuan K. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di dalam Dewan yang mulia ini bagi mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1988 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Belanjawan yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan. Belanjawan 1988 ini tidak membebankan orang-orang berpendapatan rendah, oleh sebab pada keseluruhannya Belanjawan ini telah mendapat sambutan daripada orang ramai. Oleh sebab itu, saya mengucapkan syabas kepada Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan 1988 ini.

Tuan Yang di-Pertua, B.7 - Kasih sayang dan tolong menolong adalah tertanam dalam hati senubari rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Biji benih bantu membantu hendaklah dibaja dan disiram air. Di sini saya ingin menyebut satu peristiwa sebagai contoh, " di Taiping - Mangsa Melayu dalam kebakaran kereta diselamatkan oleh kaum bukan Melayu". " Di Wilayah Persekutuan - Mangsa Melayu kerana kebakaran dibantu daripada derma wang yang dikutip oleh bangsa Cina". Ini semua menunjukkan bahawa masyarakat majmuk sedia hidup dalam suasana aman dan damai. Pemimpin-pemimpin di segala peringkat masyarakat haruslah bersikap positif dalam meninggikan semangat muhibbah di antara kaum. Perasaan muhibbah dan saling menghormati kepada semua kaum hendaklah disemai dalam pemikiran muda mudi kita dan di kalangan semua lapisan masyarakat. Kita semua akan berfaedah melalui kerjasama dan keadaan aman dan damai. Tetapi kita semua akan rugi jika terjejas keadaan ini. Tiada siapa yang boleh untung

hari apa-apa segi pun.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan satu badan penasihat yang terdiri daripada setnua profesion, ahli politik dan kaum ditubuhkan semula di Jabatan Perdana Menteri untuk sentiasa memajukan fikiran perpaduan, kerjasama dan muhibbah di kalangan kaum-kaum di tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua, B.12. Beberapa bulan dahulu negara kita telah mengalami ataupun menghadapi satu suasana yang tegang. Untuk tngelakkan suasana ini daripada menjadi rusuhan kaum, Polis dan Petnerintah telah bertindak dengan cepat. Penangkapan beberapa orang ahli politik dan lain-lain di bawah ISA pun telah dijalankan. Tindakan-tindakan itu walaupun keras, telah membantu mententeramkan keadaan dan meyakinkan orang ramai terhadap keupayaan Kerajaan mengawal satu-satu situasi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus dipuji di atas tindakan-tindakan beliau. Beberapa orang telahpuu dilepaskan. Tindakan Kerajaan dalam hal ini menunjukkan bahawa ISA tidak diguakan sewenang-wenangnya. Seperti yang dijanji oleh Yang Berharmat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, satu Kertas Puteh akan dibentangkan dalam Parlimen berkenaan dengan penangkapan ISA yang akan memberi satu gambaran jelas tentang apa yang telah berlaku dan siapakah yang bertanggungjawab dalam segala kejadian yang telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, B.27. Rakyat Malaysia merasa gembira oleh kerana langkah Kerajaan Filipina, Puan Corazon Aquino, menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah akan membaiki lagi hubungan Malaysia dan Filipina. Semenjak tahun 1962, isu ini adalah seperti duri dalam daging dalam hubungan antara Kuala Lumpur dan Manila. Di harap Presiden Corazon Aquino tidak dipengaruhi oleh Senator-senator

di Filipina yang raembantah langkah-langkah beliau yang menggugurkan tuntutan ke atas Sabah itu.

B.44. Baru-baru ini pihak RTM telah menukar curak tayangan filem-filem bahasa Tamil. Sekurang-kurangnya filem-filem ini ditayangkan secara dua bahagian. Saya mengalu-alukan ini kerana sebelum ini tayangan filem ditayangkan secara lebih dari tiga atau empat bahagian. Penukaran ini boleh diterima oleh masyarakat India, khususnya- penonton-penonton merasa lebih gembira jika TV Malaysia mula mempersembahkan rancangan-rancangan drama Tamil dan kebudayaan di waktu petang pada pukul 5,00. Sehingga sekarang RTM tidak mengamalkan janji mengenai Tamil drama dan rancangan-rancangan kebudayaan India. Di harap Kementerian Penerangan akan memenuhi harapan para penonton India dengan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Juruhebah-juruhebah di RTM mengumumkan intisari rancangan-rancangan, pronunciation mereka, dengan izin, apabila mereka pronouce nama-nama gambar India, terdapat sedikit kelucuan. Harap pihak RTM memilih Juruhebah-juruhebah yang boleh menyebut nama-nama itu dengan tepat. Kalau hendak sebut nama filem India itu, apabila dia tidak sebut dengan tepatnya, kadang-kadang ia menjadi lucu dan penonton-peaonton pun tidak puas hati. Kalau boleh, eloklah Juruhebah-juruhebah keturunan Melayu mendapat sedikit nasihat daripada Juruhebah-juruhebah ataupun pegawai RTM yang bukan Melayu iaitu khasnya yang boleh berbual dalam bahasa Tamil.

B.14. Baru-baru ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah meletakkan seramai 83 Pengarah dan 23 syarikat dalam senarai hitam kerana mereka gagal memberikan kerjasama kepada Kerajaan untuk menghidupkan projek-projek perumahan yang

terbengkalai. Dengan tindakan ini mereka tidak boleh bergerak sebagai pemaju-pemaju. Walaupun tindakan ini akan menjadikan satu pengajaran kepada pemaju-pemaju yang lain, tindakan Kerajaan ini tidak memberikan apa-apa faedah kepada pembeli-pembeli yang melaburkan simpanati kehidupan mereka dalam pembelian rumah. Saya sedia maklum Yang Berhormat Timbalan Menteri, Haji Hussein Ahmad, telah memberitahu dalam Dewan yang mulia ini, Kementerian beliau akan mengambil beberapa tindakan untuk menjaga pembeli-pembeli itu. Kerajaan hendaklah meneliti kemampuan sebarang pemaju. Eloklah jika Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengamalkan satu cadangan yang dikenali sebagai sistem akaun projek, dengan izin, project account system.

Saya difahamkan bahawa cadangan ini diamalkan di berbagai negeri di rantau ini. Di bawah sistem ini, seorang pemaju hendaklah membuka akaun di sebuah bank. Pembeli-pembeli rumah itu hendaklah menyimpan wang dalam akaun ini dan mereka tidak harus membayar terus menerus kepada si pemaju itu.

Bank itu akan menguruskan akaun ini dan mengeluarkan bayaran kepada si pemaju berasaskan kepada kemajuan yang dicapai dalam pembinaan skitn perumahan yang berkenaan. Cara ini akau mengelakkan si pemaju itu daripada memberikan janji palsu kepada si pembeli dalam urusan menyiapkan projek rumah **itu**, lebih-lebih lagi si pembeli itu tidak perlu kesal sama ada rumah mereka itu siap ataupun wang mereka itu selamat.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.45. Tidak siapa pun yang dapat menafikan bahawa sejak syarikat-syarikat ladang telah diambilalih oleh badan-badan tempatan seperti Perbadanan Nasional Berhad, Multi-Purpose dan sebagainya bahawa kebajikan pekerja-pekerja ladang telah mulai diabaikan oleh majikan-majikan baru dan kurang diawasi oleh Kementerian Buruh kita.

Kadar pembinaan dan penyelenggaraan rumah-rumah baru untuk pekerja, sambungan air paip, bekalan air dan tandas yang bersih dan selamat serta kemudahan kesihatan dan klinik telah turun. Hasrat dan harapan kaum pekerja telah dibelakangkan kerana dikatakan syarikat-syarikat terpaksa membayar balik perbelanjaan dalam pembelian syarikat-syarikat itu dari orang asing. Jika begitu, apakah untungnya kita ambilalih ladang-ladang **ini**. Rakyat dan pekerja-pekerja kita ialah yang harus diberi kepentingan dan keutamaan dalam urusan-urusan seperti itu. Kementerian Buruh pun nampaknya telah tidak menumpukan perhatian yang besar terhadap sektor pekerja **ini**. Mereka, saya fikir, terlalu senang dipengaruhi oleh tauke-tauke Malaysia yang baru dan terlalu lekas memberi hujah-hujah bahawa harga komoditi telah turun, tidak ada untung dan sebagainya.

Saya harap dan mendesak Kementerian Buruh tidak akan meneruskan sikap begitu. Saya harap Kementerian akan menghidupkan balik rancangan pemulihan rumah-rumah untuk pekerja-pekerja ladang dan juga meningkatkan pengawasan mereka terhadap keadaan hidup dan pekerjaan kaum pekerja ladang. Saya harap juga Kementerian Buruh akan memberi kerjasama dan sokongan yang penuh kepada Kementerian Kesihatan dalam meningkatkan keadaan pembekalan air dan tandas yang selamat kepada ladang-ladang sebagai satu langkah yang akan membawa faedah yang besar dalam kehidupan kaum pekerja ladang **itu**.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Buruh mengenai dengan jkirn perumahan pekerja-pekerja ladang. Selama ini penyediaan skim-skim sedemikian adalah terpulang kepada budi-bicara tuan punya ladang dan ini seperti yang disangka telah menyebabkan berlakunya banyak kes-kes penyelewengan. Selalunya tuan-tuan punya ladang mengamalkan sikap tidak peduli dan mahu tak mahu dalam melaksanakan projek perumahan sedangkan mereka itu terdiri dari warganegara Malaysia juga, sama seperti pekerja-pekerja ladang raereka yang telah lama bertungkus-lumus untuk membangunkan negara ini, maka tidakkah boleh Kementerian Buruh mengadakan perubahan-perubahan yang sewajaruya untuk menjadikan amalan menyediakan skim perumahan untuk pekerja-pekerja ladang wajib oleh tuan punya ladang?

Dengan kata-kata **ini**, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1988. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin.

6.04 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya hampir putus asa untuk dapat bercakap pada hari ini, tetapi dengan kerjasama Tuan Yang di-Pertua, saya dapat bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua: Sabar.

Puan Ainon binti Ariffin: Saya tengok sekarang 6.05 minit, bermakna saya ada peluang bercakap 25 minit pada hari ini dan semoga kalau belum habis saya harap saya dibenarkan menyambung pada hari esok.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di sini bagi bersama-sama untuk membincangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang yang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Rang Undang-undang Perbekalan ini sesungguhnya telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan dan ianya sebagaimana dikata oleh kawan-kawan saya yang lain tadi adalah merupakan satu pembentangan Belanjawan yang adil, yang tidak menimbulkan kontroversi, yang sederhana dan yang dapat untuk memberikan kepuasan paras minima mungkin kepada rakyat dan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan dengan tujuan untuk menstabilkan sedaya mungkin ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, suara saya seksi sedikit, bukan slang ikut Barat tetapi kerana gangguan-gangguan kesihatan. Saya harap mungkin saya akan bercakap seolah-olah Western slang, tetapi sebenarnya kerana gangguan kesihatan saya.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya ingin menyampaikan ucapan tahniah lagi sekali kepada Menteri yang berkenaan dan nampaknya Men-

teri yang berkenaan mewakili Kerajaan amat sedar tentang keadaan perekonomian negara di ketika ini.

Dalam mukasurat 2 iaitu pembentangan Belanjawan beliau di bawah tajuk Pendahuluan ianya menyebutkan kadar pertumbuhan ekonomi kita belum lagi memuaskan. Keadaan pengangguran adalah membimbangkan. Kedudukan kewangan Kerajaan juga masih lemah. Kerajaan mengakui segala-galanya. Ini menunjukkan Kerajaan kita Kerajaan yang benar-benar berjiwa rakyat dan mempunyai rasa tanggungjawab yang mendalam terhadap rakyat di negara ini dan katanya, usaha-usaha perlu diteruskan untuk mengukuhkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, melalui kata-kata itu, izinkanlah saya membuat sentuhan, pandangan, perbincangan dan juga pendapat-pendapat saya mengenai Akta Perbekalan ini.

Pertama-tama, saya ingin menyatuh mengenai peruntukan untuk Maksud B.1 yang diberikan kepada Parlimen yang mulia ini. Syukur kita kerana sebelum ini ada pihak-pihak yang datang melawat di sini merasa hairan kenapa Parlimen kita ini tidak seindah yang didengar, tidak secantik yang digambarkan. Kita dapati beberapa perubahan dan beberapa ubahsuaian sedang dilakukan di mana kita harap Parlimen suci kita ini daripada segi bangunannya, keindahannya, kedudukannya dan segala perhiasan yang ada di dalamnya menggambarkan benar-benar sebuah Parlimen yang dipertanggungjawabkan untuk rakyat, dari rakyat untuk rakyat.

Dalam pembaikaa ini sukacita saya mengingatkan pihak pentadbir Parlimen, tengok-tengoklah sedikit bilik **air**. Pandang-pandang sedikit sekitaran, perhiasan-perhiasan ataupun dekorasi yang ada di dalam Dewan - mungkin ada sawangnya dan habuknya - kawasan kelilingan, bunga-bunga yang layu menunggu air ataupun memerlukan lagi tanaman-

tanaman lain atau hijauan lain supaya lebih indah dan lebih megah keadaannya.

Tuan Yang di-Pertua, ada bilik air, pintunya tak boleh kunci. Ada bilik air yang keadaannya tidak begitu selesa. Mungkin dalam pembaikan. Saya percaya ianya dalam perhatian pentadbir Dewan. Carpet tangga kita, Tuan Yang di-Pertua, eloklah kita ganti. Sudah bersopak-sopak. Nampaknya sudah uzur keadaannya.

Parlimen kita dilawati oleh semua pemimpin-pemimpin negara, negara maju, negara kedua, negara ketiga. Kesemuanya kalau dari negara ketiga puji-pujianlah kita terima, bila negara membangun, ada sedikit-sedikit cemikan dibuat. Walaupun begitu, kita harap ianya di dalam perhatian pihak pentadbir Parlimen kerana duit sudah diberi, jadi sesuaikanlah peruntukan itu. Janganlah ada cerita, kata orang Perak tak ada berduit maka tak menguit.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada B.2 - Badan Pencegah Rasuah.

Sesungguhnya diharapkan peruntukkan yang diberikan kepada Badan Pencegah Rasuah ini tidak lagi akan menimbulkan rungutan macam mana kita hendak menjalankan tugas mencegah rasuah yang kian menjadi-jadi, sedang menjadi-jadi, akan menjadi-jadi, kerana kita kekurangan anggota, kekurangan kakitangan, Yang Berhormat, puan-puan, dato'-dato" dan lain-lain, bila dialog diadakan. Diharap, walaupun peruntukkan ini tidak besar tetapi memadai untuk menyelaraskan pentadbiran di bahagian Badan Pencegah Rasuah ini. Tengok sedikit rasuah amali yang berlaku di Kementerian-kementerian, di Jabatan-jabatan.

Saya mengatakan rasuah amali, sebab seolah-olah perkara ini sudah tidak dipedulikan, perkara biasa,'under the table', kata orang Filipina dalam bahasa Inggerisnya. Saya rasa bahasa ini boleh ikut dialect kita. Tadi kawan saya menyentuh ada juruacara TV tidak boleh membunyikan perkataan Tamil itu dengan sebenarnya. Saya rasa keadaan ini biasa, ada juga kawan-kawan Tamil kita tidak boleh membunyikan perkataan kebangsaan atau bahasa dengan betulnya - menyebut lucu jadi. lucu. Jadi maafkanlah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada Badan Pencegah Rasuah, saya menyentuh lagi kepada perkara mengenai rasuah "under the table" ini atau di bawah meja ini, yang nampaknya sudah dan seolah-olah perkara biasa. Kalau hendak tender masuk dalam list - ha-ha-ha. Kalau hendak pula tender masuk dalam Lembaga Tender - hu-hu-hu. Jadi beginilah, silence atau sign-sign atau isyarat-isyarat yang barangkali banyak orang mengetahuinya, termasuk Badan Pencegah Rasuah dan diharapkan perkara ini dapat disentuh dan supaya sekurang-kurangnya kalau tidak dapat dikikis, kerana ianya merupakan satu perkara yang sudah

dianggap mustahil oleh negara-negara lain, harap negara kita tidak begitu, maka ianya boleh diredakan.

Tuan Yang di-Pertua, diharaplah Badan Pencegah Rasuah ini lebih aktif dan bersedia meningkatkan kerja mereka kerana negara akan hancur musnah kalau perkembangan rasuahnya menjadi-jadi, terbukti negara-negara jiran kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai B.13 - Kementerian Kehakiman. Kita bersyukur kerana diberikan peruntukan kepada Kementerian yang baru ini yang besar tanggungjawabnya, yang mencabar hari depannya dan mungkin dengan adanya peruntukan ini dapat melicinkan perjalanan tugas Mahkamah mengendalikan kes-kes.

Tuan Yang di-Pertua, saya baca dalam suratkhbar seminggu yang lalu, ada satu kes, 9 tahun. Kes pembunuhan di Pulau Pinang 9 tahun baharu dibicarakan. Ini menunjukkan beberapa kelemahan dari segi keadilan dan pengadilan di negara kita. Banyak lagi kes-kes, terutama kes-kes tukar nama tanah dan lain-lain yang selalu disungutkan, dibawa di Dewan yang mulia **ini**, di Parlimen, juga oleh Wakil-wakil Rakyat, oleh rakyat-rakyat atau oleh pengundi-pengundi di kawasan Yang Berhormat Yang Berhormat, tok-tok Penghulu dan Penggawa-penggawa. Banyak sangat kes-kes Mahkamah yang tertunda, lambat, lewat, lembab kerana beberapa masalah. Haraplah ini dapat diatasi.

Suka juga saya menyentuh sahaja perkara mengenai perbuatan menyalah-tafsirkan undang-undang yang telah jelas dan bertulis dengan undang-undang yang tidak bertulis yang begitu umum dan mengikut emosi pentadbir undang-undang, hingga menyebabkan hukuman-hukuman yang kurang adil berlaku dan melibatkan kepentingan ramai, Syukur kita Akta sedang dibawa ke Dewan **ini**, sudah sampai

mesejnya, sudah dimasyhurkan pagi tadi oleh Tuan Yang di-Pertua. Akta itu akan di bawa ke Dewan yang mulia ini untuk diperbincangkan dan diluluskan, iaitu mengenai Akta Mesin Cetak dan Penerbitan. Mudah-mudahan dengan adanya undang-undang, sebabnya tanpa undang-undang kita lihat orang yang mengaku dirinya pemegang undang-undang pun tidak amanah, dengan sikapnya terhadap undang-undang. Ada kepentingan emosi diselit-selitkan, ada kepentingan golongan dan kumpulan diselit-selitkan, hingga menyebabkan beberapa peristiwa kucar-kacir dan peristiwa malang serta berlakunya percanggahan hasil daripada mentafsirkan dengan sewenang-wenangnya undang-undang yang jelas dan bertulis. Kita harap, saya orang yang pertama akan menyokong undang-undang itu nanti. Kita dapat mengatasi perkara ini dan akan diusahakan, diawasi oleh Kementerian Kehakiman kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pula B.21 - Kementerian Kebudayaan dan Sukan.

Pertama, diucapkan tahniah kepada Menteri barunya yang bernama Dato'Seri Mohd. Najib, di mana dia telah cuba dan akan terus mencuba mengubah imej Kementerian itu yang dulunya dikenali sebagai Kementerian seronok-seronokan. Kementerian yang apabila disebut "Ha, you tidak masuk dalam kumpulan belia?" "Ah, sorrylah, I tidak mahu masuklah, apa menari, menyanyi, muzik, tidak habis-habis itu, itu sahaja.

Sebenarnya, Kementerian itu membuat banyak untuk belia-belia, cumanya oleh kerana terlalu diberikan kosentrasi (perhatian) dengan besar-besaran, publisitikan dengan meluas hal kebudayaan yang berunsur sosial, yang berunsur tarian, nyanyian, adat-istiadat, gamelan dan lain-lain dibesar-besarkan. Bukan itu salah, itu kebudayaan. Bangsa akan mati sebelum mati tanpa kebudayaan. Kita hendakkan kebudayaan, tetapi itu diletakkan 'priority', keutamaan, maka

raasyarakat keliru, lalu merasakan kurang yakin dengan Kementerian itu dalam fungsi-fungsinya untuk mendidik belia-belia, remaja-remaja negara ke arah yang dimimpikan, iaitu kesejahteraan, kemantapan dan perpaduan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita haraplah Kementerian baru ini akan dapat menghilangkan stigma ini dan kita mengucapkan tahniah. Saya mengucapkan tahniah di atas satu usaha baru yang dijalankan oleh Jabatan Belia dan Sukau Wilayah Persekutuan, di mana mereka telah mengadakan satu pilot project untuk projek belia-belia pelesenan atau pengangguran. Mereka ini mencari, mengambil dan mengajak, memujuk, sedikit-sedikit memaksa kepada kutu-rayau-kutu-rayau. Maafilah anak negara kita juga, kepada penganggur-penganggur kelas 1, kelas 2 dan kelas 3. Kepada belia-belia yang tidak ada apa-apa kerja melainkan berkeliaran di kompleks-kompleks beli-belah Daya Bumi, Kompleks Pertama, Sungai Wang, Kompleks Wilayah, Ampang Park dan di Titiwangsa dan lain-lain lagi. Mereka ini telah berusaha mengumpulkan anak-anak muda ini lalu diberikan beberapa latihan orientasi, antaranya ada yang fizikal dan ada yang mental. Telah diwujudkan satu Jawatankuasa tetap untuk memberikan beberapa garis panduan dan untuk mendapatkan input-input baru bagi mendidik, bagi memujuk atau mempengaruhi mereka ini daripada menjadi calon-calon jenayah dan dadah yang sentiasa menunggu kealpaan mereka.

Saya meminta supaya Kementerian ,Belia dan Sukan menjadikan ianya sebagai satu projek tetap di Kementerian. lancarkan di negeri-negeri, bukan di Wilayah sahaja masalah pelesenan, keliaran penganggur ini berlaku, di mana-mana negeri dalam Malaysia, Sabah dan Sarawak berlaku. Biarlah Kementerian ini mencipta satu daya usaha baru bagi mengatasi masalah kerutuhan akhlak, masalah keliaran,

masalah penagihan, masalah penjenayah kecil dan penjenayah besar di kalangan anak-anak muda kita, akibat dari pesatnya pembangunan, akibat dari pengangguran dan akibat dari kurangnya pendidikan dan lain-lain aspek lagi.

Kita harap Kementerian wujudkan satu garis panduan wujudkan sebagai pilot project dan laksanakan dengan kerjasama daripada agensi-agensi lain, Adakan Jawatankuasa penyelarasan. Mereka diberi latihan yang sewajarnya, fizikal, mental, mereka dicarikan peluang-peluang pekerjaan, bantuan Kementerian Buruh. Janganlah kita selalu bersikap lepas-melepas. Ha! Itu bukan tanggungjawab Kementerian saya - itu adalah tanggungjawab Kementerian Buruh. Oh! Kementerian Buruh kata, itu bukan perkara saya - itu adalah perkara Kementerian Kebajikan. Jadi, kalau begini keadaannya, tidak selesailah masalah kita yang kita cuba ingin menyelesaikannya.

Kita juga menyeru masyarakat setempat memberikan kerjasama, pemimpin-pemimpin, pegawai-pegawai Kerajaan lelaki dan wanita tampil memberikan kerjasama. Saya dapati projek ini sudah menampakkan sedikit kejayaan iaitu mengawal mereka dari terdedah dengan budaya-budaya liar, dengan perkara-perkara yang mungkar kalau orang Islamnya, dengan pengaruh-pengaruh yang menyebabkan mereka menjadi manusia pada nama sahaja, tetapi tidak pada hakikatnya.

Tuan Yang di-Pertua, rayuan saya semoga **diberi perhatian**.

Saya menyentuh pula mengenai Maksud B.22 peruntukan untuk Muzium Negara. Pernah di Dewan ini pada sidang yang lalu saya membawa perkara ini, sedih, kalau kita pergi tak usah di negara luar, negara Malaysia sendiri, Malaysia dikenali oleh Sabah dan Sarawak, Semenanjung Malaysia.

Di Sarawak, di negeri Tuan Yang di-Pertua kita, muziumnya boleh mendapat tempat pertama dalam negara-negara ASEAN.

Timbalan Yang di-Pertua: Betul.

Puan Ainon binti Ariffin: Teriitia kasih kerana mengesahkan kenyataan saya.

Di Sabah boleh mendapat tempat yang kedua, malangnya di Bandaraya, Ibu Negara negeri terapat saya berkhidmat Wilayah Persekutuan, Muzium Negara tidak seindah, segagah namanya, tidak berfungsi dan tidak sejajar dengan kemajuan negara Malaysia, tidak segagah Daya Buminya, tidak segagah shangri-lanya.

Saya merayu kepada pihak pentadbir Kerajaan selaraskanlah pengurusan dan juga kemaskinikanlah pentadbiran untuk Muzium ini. Kita ucapkan tahniah kepada Muzium yang ada, kepada Dato' Shahrom kerana inisiatifnya ataupun dayausahanya mengadakan berbagai-bagai pameran demi pameran menarik minat ramai, tetapi ada perkara lain

yang tidak dapat dlusahakan, setelah ditanya kurang peruntukan, iaitu untuk mengadakan satu Muzium yang boleh menjadi bahan rujukan, tempat rujukan, tempat lawatan pelancong, tempat kajian anak-anak muda, jenerasi muda mengenai sejarah negerinya sendiri yang bernama 'Malaysia'. Tidak ada bahan-baha purba yang lengkap di sana, tidak ada data-data, fakta-fakta yang jelas mengenai sejarah negara kita. Bagaimana kita hendak menyalahkan anak muda kita tidak cinta, tidak kasih, sayang kepada negaranya, bangsanya dan kepada apa yang dianjurkan oleh Kerajaan kerana mereka sendiri tidak dapat hendak menilai perkembangan sejarah keturunan bangsanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya benar-benar mengambil berat perkara ini kerana generasi kita di tahun 2000 tidak ada apa-apa bekal dari generasi di tahun 80an. Biarlah kita buang duit sedikit, biarlah kita bekerja keras sedikit supaya Muzium Negara tegak sesuai dengan namanya, tegak sesuai dengan kemajuan negara kita yang bernama Malaysia, segan campur malu, sedih campur pilu apabila kita membawa pelawat-pelawat asing melawat Muzium Negara iaitu "National Museum",

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan ini akan diberikan perhatian berat, kaji purba kita banyak, kaji sejarah kita banyak, bahan kita banyak, cari jalan ambil segala riwayat sejarah kita yang dibawa Iari oleh Stamford Raffles kononnya tenggelam di tengah laut, di London dan di Holland. Kita boleh nampak beberapa naskhah hikayat-hikayat lama kita yang ditulis oleh Munshi Abdullah, Tun Sri Lanang berada di London, di Holland, di Amsterdam dan baru-baru ini terkejut besar di Vienna ada sebuah al-Quran yang ditulis oleh seorang Muaalim datang dari Melaka, kita tidak ada, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pula kepada Maksud B.25, Kementerian Pertahanan. Syabas kepada Menteri dan kepada mereka yang telah menjalankan usaha yang begitu gigih dalam mempertahankan tanahair kita. Namun begitu setelah kita membuat lawatan baru-baru ini ke Sabah dan Sarawak, melawat seluruh negara kita dapati ada perkara yang perlu diberikan keutamaan oleh Kementerian ini.

Pertahanan udara kita, pertahanan laut kita masih lemah, senang sahaja orang Singapura masuk, kemudian minta maaf, kemudian buat cerita rekaan. Satu contoh, Kemudian apa yang berlaku di Sabah dan Sarawak, di Laut Cina Selatan dan di Laut Melaka sangat terdedah dengan bahaya-bahaya dari ancaman luaran melalui lautan, udara kita belum terjaga begitu rapi, mudah dicerobohi, hanya sanya dunia dalam keadaan aman kita barangkali masih dihormati oleh negara-negara luar, pencerobohan tidak berlaku. Kalau hendak dicerobohi daya pertahanan udara dan laut kita masih perlu dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin pula menyentuh Kementerian Pendidikan. 4 minit lagi.....

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Ainon binti Ariffin: Kementerian Pendidikan ini, saya hanya hendak menyentuh satu perkara besar yang rasa saya sangat penting dan perlu dihormati oleh semua rakyat di negara Malaysia, kalau dia mengaku dia itu seorang warganegara Malaysia. Jangan di bibir sahaja, Tuan Yang di-Pertua, mesti sampai kepada hatinya, mesti sampai kepada penghayatannya, jangan manis diucap sahaja, tetapi tidak dilaksana. Kita mendapati sekarang kita terpaksa membuat semula Bulan Bahasa. Mengapa? Begitulah lama sudah kita memperjuangkan bahasa masih lagi. Kita perlu mengulanginya, tentu ada masalah, tentu ada perkara-perkara yang kita telah mendapati

masih belum mantap, rakyat belum lagi. menghayati, menerima Bahasa Malaysia, Bahasa negara, pencemaran bahasa menjadi-jadi ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum tamat masanya saya hendak menyentuh sedikit mengenai satu artikel di Utusan Melayu. Ini paling terbaru. Seorang penulis handalan kita Encik Mahroz Ibrahim telah menulis mengenai pencemaran dan penyalahgunaan Bahasa Malaysia - bukan dadah, Bahasa Malaysia.

Saya amat setuju dengan pendapat beliau antara lain katanya: "Ketulinan Bahasa Malaysia kini jelas diikat dengan kata-kata atau istilah yang dikumpulkan daripada bahasa Inggeris, sehingga timbul kebimbangan mengenai kemungkinan satu hari nanti Bahasa Malaysia dipenuhi istilah asing". Contoh "Kedai Blacksmith", contoh lagi "Mini Market Sharifah Sdn. Bhd", contoh lagi, "Ainon Hardware Enterprise", contoh lagi di Kelantan, saya terkejut 93 orang bumiputera di sana, di sebuah kedai menulis di situ perkataan "Workshop Ali Sdn. Bhd.", "Workshop" bukan "Bengkel" dan beberapa perkara lain lagi. Di manakah silapnya, Tuan Yang di-Pertua? Dan berbagai-bagai lagi pencemaran-pencemaran dibuat.

Ketua Jabatan Penulisan Universiti Malaya, Encik Abdul Latiff Abu Bakar kenalan saya, beliau marah dengan keadaan ini dan apabila kita tinjau rata-rata mengapa begitu jadinya? Jawapannya ialah adanya unsur-unsur politik yang telah menyekat kemaraan undang-undang bagi meletakkan Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Malaysia itu sebagai bahasa perpaduan, sebagai bahasa untuk rakyat di negara ini, sebagai bahasa perhubungan, penyambungan, penyatuan dan perpaduan - ada kuasa politik.

Saya hendak menyeru kepada Kerajaan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa kita sudah cukup untuk hari ini dan Yang Berhormat boleh menyambung pada esok hari.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ambil ingatan dan saya akan menyambung esok, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli. Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 2.30 petang hari esok, Rabu, 9hb Disember, 1987.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.